# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 20 | RABU 20HB MEI, 1981. | رابو 16 جمادي الاخير 1401 | PERCHUMA


DALAM SA-MINGGU

# SEMANGAT KERJA LEBEH PERLU DI-HIDUPKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semangat kerja lebeh perlu di-hidupkan di-mana2, supaya dengan-nya kita biasa dengan sifat suka mengambil daya-usaha dan bukan hanya jadi tukang arah atau penonton.

Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika merasmikan peraduan membacha Kor'an bagi Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan di-sini baru2 ini seterus-nya menjelaskan sifat demikian ada-lah di-galakkan dan di-asoh oleh Ugama Islam dengan berbagai-bagai chara dan dengan berbagai-bagai ganjaran.

Kata-nya, kerjasama antara jabatan dan dorongan dari mana2 pegawai atasan dalam sa-sebuah jabatan merupakan puncha kemajuan dalam apa2 jua bidang pekerjaan sa-hari2 terutama yang berhubong dengan tugas pegawai2 kerajaan.

> "Pegawai pukol empat atau pegawai fail tidak mendatangkan kemajuan dari apa yang ada".

"Tanpa ada-nya kerjasama yang rapat antara sa-orang pegawai dengan sa-orang yang lain, sama ada pada memberi dan menerima arahan dan tanpa dorongan dan pengawalan dari pegawai2, baik yang tinggi atau pun pegawai biasa sudah tentu apa jua kerja tidak akan berjalan lanchar," ujar-nya.

Dalam hal tersebut, menurut Awang Haji Yahya, pegawai2 yang di-istilahkan-nya sa-bagai "pegawai pukol empat" atau "pegawai fail" tidak akan mendatangkan kemajuan lebeh dari apa yang ada.

"Kerana mereka ini biasa-nya tidak mau sirit dan berat buku dan tidak ada inisiatif di-luar kerja atau fail-nya," jelas-nya.

Awang Haji Yahya menegaskan dalam masa negara kita sedang membangun ini, kita memerlukan pegawai2 dan orang2 yang bertenaga dan mahu memberikan tenaga-nya lebeh dari apa yang wajib, sa-mata2 kerana ingin melihat negeri-nya maju.

Dalam perkara ini, Timbalan Pengetua Hal Ehwal Ugama itu membuat perbandingan dengan kewajipan sembahyang fardhu lima kali sa-hari sabanyak 17 rakaat, tetapi di-samping itu ada di-sunnatkan melakukan sembahyang2 sunnat bagi mendapatkan lebeh pahala dan lebeh mendekatkan diri kapada Allah.

"Tetapi bagi 'pegawai2 pukol empat' yang tidak punya inisiatif untok bekerja lebeh, itu-lah saja yang di-dapati-nya, tambahan jika kerja itu bergantong kapada 'mood', maka akan banyak di-buang masa untok tujuan2 lain," jelas-nya.



PASOKAN Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, salah sa-buah pasokan nashid yang telah di-pileh memasoki Pertandingan Perengkat Akhir pada 30hb Mei.

## 10 pasokan di-pileh ka-perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 10 buah pasokan nashid telah terpileh memasoki peraduan nashid perengkat akhir sa-negeri sa-telah di-adakan saringan sa-paroh akhir pada hari Jumaat lepas, yang berlangsong di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, di-sini.

Pasokan2 yang berjaya itu, bahagian lelaki ia-lah Badan Kebajikan dan Sokan RTB di-bawah pimpinan Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar; Kumpolan Nashid Kelas2 Dewasa Ugama Al-Koran, Kampong Kianggeh; Pasokan Nashid Al-Koran dan Zikir, Jabatan Pasokan Bomba; Persatuan Belia Belait (PEMBELA) dan Kelas Dewasa Ugama Perajurit Askar Melayu Diraja Brunei.

Sementara bahagian perempuan ia-lah Kelas Kor-an dan zikir Guru2 Ugama, Daerah Brunei dan Muara; Nisa'ul Ummah (PERANGKAB); Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Daerah Belait; Persatuan Kebajikan Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan Kelas Dewasa Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

## 200 orang hadhiri Kuliah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh 200 orang pendudok2 Mukim Tamoi telah menghadhiri kuliah ugama anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama yang telah berlangsong di-Sekolah Rendah Haji Tarif di-sini pada hari Jumaat 15hb Mei yang lalu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin telah memberikan cheramah tersebut yang di-anjorkan sempena Sambutan Isra dan Me'raj.

Pendudok2 Kampong yang mengikuti kuliah itu terdiri dari Kampong2 Tamoi, Pengiran Tajuddin Hitam, Pengiran Kerma Indera Lama dan Pengiran Bendahara Lama.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pengiran Badaruddin bin Pengiran Damit serta ketua2 kampong di-kampong2 berkenaan.

## Lebeh $10 ribu di-dermakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim telah menyampaikan wang sa-jumlah $10,500.00 selaku wakil penyumbang derma yang tidak mahu di-sebutkan nama-nya.

Dari jumlah tersebut sa-jumlah $9,000 telah di-berikan kapada Dayang Saadiah binte Awang Jamaluddin dan sa-lebeh-nya $1,500 di-berikan kapada Awang Zakaria bin Hassan dari Kampong Lumut di-Daerah Belait. Upachara penyerahan derma tersebut telah di-adakan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada hari Khamis lalu.

## Hadhiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai enam orang ahli Majlis Belia2 Negeri Brunei telah berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu lalu, untok menghadhiri satu kursus kepimpinan di-Republik itu.

Kursus tersebut yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Asia dengan kerjasama Persatuan Rakyat Singapura dan Yayasan Freidrich Neuman.

Thema kursus tersebut ia-lah Penubohan Industri dan Teknoloji yang sesuai dengan-nya yang akan berjalan sa-lama dua minggu.

## Pesurohjaya Mahkamah Tinggi yg baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang Hakim dari Hong Kong, Tuan Hakim Rory O'Connors telah di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Makhamah Tinggi Brunei.

Istiadat mengangkat sumpah atas perlantekan itu telah di-langsongkan di-hadapan Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Sa-lama berada di-sini Tuan Hakim Rory O'Connors akan mempengerusikan Makhamah Tinggi Brunei bagi mendengarkan kes2 yang berhubong dengan jenayah dan awam.

Hadhir di-upachara itu termasok-lah Pemangku Pesurohjaya Tinggi British, Awang Malcomson, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pegiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara serta pegawai2 kanan dari Jabatan Undang2 dan Kehakiman.

## Alaon TB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penguasa Kelinik2 Dada bagi Daerah2 Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Perkasa Pengiran Mohd Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar meminta semua pesakit2 batok kering atau TB yang mana di-berikan alaon2 TB supaya akan dapat datang bagi mengambil alaon2 mereka ka-Rumah Sakit Umom, Bandar Seri Begawan pada 25hb Mei 1981

## Mashuarat Agong KAMUDI

KIUDANG. — Kesatuan Angkatan Muda Mudi, Kampong Kiudang Tutong — KAMUDI akan mengadakan mashuarat agong-nya yang ketujoh pada hari Isnin 1hb Jun. Mashuarat tersebut akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Kiudang mulai jam 8.00 pagi.

Pegawai Belia dan Sokan Daerah Tutong di-jangka akan merasmikan mashuarat tersebut.

## Manis-nya Iman

"SESUNGGOH-NYA ALLAH Ta'ala menaroh rasa chemburu, dan kechemburuan Allah itu ialah apabila sa-seorang melakukan apa yang di-haramkan ka-atas-nya oleh Allah." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
20HB MEI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# ALAM SEKITAR YANG TERJAMIN

DALAM kita bersiap2 untok menyambut hari kemerdekaan, ternyata ia-nya memerlukan churahan tenaga yang banyak yang juga erti-nya sa-tiap yang di-libatkan dengan tanggong-jawab2 sa-mestinya bekerja keras dalam sudut2 yang menjadi tanggong-jawab-nya itu. Ini tidak berma'ana yang kerja keras itu akan kendor semula sa-telah hari yang bersejarah itu berlalu nanti, malah ia-nya ada-lah lebeh memerlukan pengharapan yang terus-menerus yang tidak ada perenggan-nya sa-lagi hasrat kita terus melangkah maju itu menjadi darah daging dan terus bernafas dari satu keturunan ka-satu keturunan.

Ka-arah ini, antara yang di-perlukan ia-lah jaminan2 yang menjadi sumber utama untok menjadikan satiap anggota masharakat di-negeri ini terus bergerak chergas dan bebas dari sebarang anchaman yang memungkinkan kechergasan itu mengalami kekendoran.

Antara anchaman yang di-khuatiri timbul dinegeri ini ia-lah chemaran alam sekitar yang bakal di-luahkan oleh berbagai industri yang bakal tumboh. Sunggoh pun belum banyak industri2 yang berat berselerak di-negeri ini, tetapi dalam jangka panjang mungkin kita tidak terelak dari menerima kehadhiran-nya memandang kapada pertumbohan2 dan perkembangan2 yang keujudan-nya nanti merupakan satu kemestian.

Kekhuatiran penchemaran alam sekitar negeri ini perlu di-pandang berat dan betapa perlu-nya langkah2 awal di-buat untok mengawal-nya telah pun timbul dari beberapa usaha yang telah di-jalankan oleh pehak2 dalam Kerajaan. Melalui kempen2 kebersehan dengan gerakan2 memberseh dan mengawal pembiakan penyakit yang di-akibatkan oleh pembuangan chemaran2 yang tidak terkawal, ada-lah merupakan usaha2 yang timbul dari kekhuatiran terhadap bahaya2 chemaran alam itu.

Industri minyak dan gas yang menjadi sumber utama kekayaan negara kita juga tidak semata2 bertindak terus pada meneroka khazanah bumi untok menghadiahkan negara dengan kemewahan, tetapi juga mengorak langkah2 perlu untok mengawal muntahan2 dari alat2 industri-nya yang juga di-bimbangkan menjadi satu sebab penchemaran alam yang mengakibatkan sa-suatu yang mengganggu kesihatan manusia dan menchemari kebersehan bahan2 makanan saperti kerang-kerangan.

Sharikat Minyak Shell menganggap kajian ekoloji yang di-jalankan-nya pada masa ini sa-bagai perkara biasa dan menjadi tugas pada sa-tiap operasi perusahaan minyak di-lakukan untok mengetahui chemaran2 minyak yang boleh membunoh kehidupan laut saperti kerang-kerangan.

Ada-lah jelas bahawa kajian terhadap chemaran2 yang di-luahkan oleh industri2 berat merupakan perkara biasa yang sama erti-nya sa-bagai satu kemestian. Jika ini menjadi satu sikap, maka ia-nya ada-lah merupakan jaminan yang chemaran alam sekitar akan senantiasa terkawal.

Langkah2 yang sa-umpama ini nampak-nya tidak mesti di-ambil tindakan oleh industri2 yang berat itu sahaja, malah yang separoh berat dan ringan harus memandang-nya sa-bagai satu kemestian juga. Langkah2 itu tidak mesti terhadap chemaran2 di-laut, malah chemaran2 yang berlaku pada udara dan daratan serta sungai2 tidak harus di-abaikan.

# KEHARMONIAN YANG DI-NEKMATI BERKAT AJARAN2 ISLAM

*Dari uchapan Haji Abd Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, ketika merasmikan Pertandingan Al-Kor'an kawasan Brunei II di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Saleha pada 10hb Mei, 1981.*



ALHAMDULILLAH, di-dalam kesempatan ini, suka-lah saya menekankan sedikit satu perkara penting dalam kehidupan kita selaku orang2 Brunei khususnya raayat Islam yang menjadi penghuni terbesar pada masa ini, bahawa kita telah sekian lama mengalami kehidupan yang harmoni dan aman damai di-bawah panji2 Brunei yang beteraskan ugama Islam. Kita perchaya, wajah Brunei yang berseh berseri2 ini ada-lah berkat dari ajaran Islam yang menjadi penghias atau 'make-up' yang utama.

Semua orang Brunei khusus-nya para Ulul-Amri yang bertanggong-jawab dari masa ka-semasa ada-lah memakai jenis make-up ini. Hanya barangkali jika ada pun perbedzaan-nya chumalah dalam chara penggunaan make-up itu sahaja tetapi yang penting, kita telah memakai-nya dari semenjak kurun yang ke-14 Masehi lagi atau selewat2-nya awal kurun yang ke-15 menurut kajian sa-takat ini.

Jadi make-up ini, terbokti suatu jenis make-up yang tahan uji, jenis yang baik, yang bukan alang2 baik (special make-up). Semakin ia dipakai semakin baik, semakin memberikan chahaya. Dan kesan chahaya-nya itu pula tidak sahaja terpanchar pada raut muka, bentok lahir negara ini, tetapi juga sampai ka-dasar rohani bangsa yang menjadikan mereka rata2 baik, rata2 jujor dan setia, rata2 rela dan sanggup memikul beban tanggong-jawab sa-bagai raayat.

Ini-lah nama-nya bangsa yang mendapat petunjok. Orang yang mendapat petunjok daripada Allah Ta'ala ada-lah orang2 baik, yang tidak sanggup buat kachau, tidak mahu buat jahat, tidak tergamak melakukan churang. Dan natijah-nya jadi-lah negara sentiasa akan damai dan raayat tidak di-ancham oleh sebarang ketakutan.

Kita sa-bagai suatu bangsa, ada-lah menjadi chita2 kita bersama untok dapat hidup terus di-dalam suasana yang aman lagi sejahtera ini. Dan oleh kerana itu-lah pula usaha2 kerajaan kearah mengekalkan sa-tiap keadaan yang baik ini berjalan terus tidak berhenti2. Tetapi bagaimana pun juga, kesedaran raayat sendiri dalam soal ini ada-lah turut pula menentukan-nya, apakah sebenar-nya yang kita kehendaki, chorak hidup yang bagaimana? Kerana itulah Allah berfirman yang bermaksud: "Bahawa Dia (Allah) tidak akan mengubah nasib sa-suatu kaum melainkan kaum itulah sendiri yang mengubah diri mereka."

Sa-bagaimana gambaran sepintas lalu tentang chorak kehidupan kita di-Brunei ini, dahulu, usah-lah jauh2 benar. Kita ambil sahaja dalam tahun2 lima pulohan:

★ Orang Brunei pada masa itu suka2 hati mereka meninggalkan rumah tangga, pintu tabok layah2, inda ada yang akan di-gagaukan, inda ada penchuri kan masok. Tetapi sekarang, pantang silap sedikit, pantang silap tutop, atau bukan lagi tutop, kadang2 kunchi pun takupak. Itu satu perkara.

★ Dua : Dulu tidak ada kes rogol, sekarang sudah ada.

★ Tiga : Dulu tidak ada kes orang diserit ka-mahkamah kerana di-tudoh membunoh anak gadis, sekarang sudah ada.

★ Empat : Dulu tidak ada kejadian buang kanak2 damit di-Sungai Brunei, sekarang sudah ada.

Jadi, apa jenis jenayah lagi yang tidak ada di-Brunei masa ini? Apa? Rasa-nya semua sudah chukop.

Apa-kah ini yang sebenar-nya ?

Jawab-nya: Semua ini ada-lah tanda2 jelas kemerosotan rohani di-negara kita, tanda2 kepinchangan dan krisis, krisis moral dan sosial yang sa-makin terok. Hanya mungkin barangkali belum sampai kapada perengkat tenat. Tetapi usah-lah di-ketawakan, usah di-anggap semua itu sa-bagai masaalah kita bersama, masaalah negara kita Brunei yang terchinta. Jangan kita lalai menchari sebab-nya, dan jangan kita lalai menchari obat-nya. Jika kita lalai, di-khuatiri akibat-nya burok dan melahirkan natijah yang trajis.

Ini bukan-lah anchaman atau sengaja untok membuat ketakutan, tetapi ada-lah peringatan berdasarkan lojik ugama. Sesunggoh-nya ini — tidak shak lagi — ada-lah sa-jenis benchana yang berakibat dari kesalahan umat.

Oleh kerana itu, jika ada orang yang lebeh chenderong mendasarkan-nya kapada sebab2 yang berdata mengapa jenayah2 ini berlaku dan kian bertambah, maka saya pula berminat melihat-nya dari sudut sebab2 yang di-sebutkan oleh Allah di-dalam Al-Kor'an, bahawa TIAP2 KEMELUT, TIAP2 KRISIS umat dan BENCHANA yang menimpa ka-atas mereka dan negeri, ada-lah berpuncha dari BANYAK DOSA, dari KESALAHAN dan MAKSIAT di-kalangan umat itu sendiri. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Qasas ayat 59 bermaksud kira2 :

**"Dan kami tidak membinasakan pendudok sa-buah negeri, melainkan pendudok negeri itu melakukan kesalahan atau aniaya."**

Oleh itu, suka-lah saya berseru supaya, sa-tiap kita mengambil ingatan benar2 terhadap ajaran2 Al-Kor'an supaya kita dapat sentiasa membersehkan diri kita dari kesalahan, yang hasil-nya kelak kita dan negara kita beroleh keselamatan. Amin.

# Hadapkan kpd Ketua Kg lebeh dahulu



Dato Paduka Haji Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pendudok2 Kampong Ayer di-ingatkan bahawa membaiki rumah di-kawasan kampong ayer, hendak-lah terlebeh dahulu di-hadapkan kapada ketua2 kampong dan penghulu mukim masing2.

Sa-jauh ini, pehak Jabatan Daerah Brunei dan Muara mendapati ada rumah2 di-kampong ayer di-bangunkan menurut kehendak hati sendiri2 tanpa memikirkan kepentingan orang lain, terutama jiran.

### PERTIKAIAN

"Perkara yang sa-umpama ini ia-lah yang selalu menimbulkan masaalah dan sa-tengah2-nya telah menjadi puncha pertikaian dan perbelahan pendudok2 di-kampong ayer," demikian menurut Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika memberikan taklimat di-Majlis Taklimat bagi 30 orang pendudok2 mukim Kampong Ayer anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan baru2 ini

"Jangan-lah hendaknya ada sifat 'si-pugut' yang ingin merosakkan kemudahan2 yang di-berikan oleh kerajaan bagi kesenangan pendudok2 di-sekitar kampong ayer dalam bidang perhubongan sa-hari2.

### KERJASAMA

Di-samping itu beliau juga menyeru kapada anak2 kampong supaya akan sentiasa memberikan kerjasama2 kapada ketua2 kampong dan penghulu2 dalam sama2 membanyakkan kegiatan2 samada yang berchorak keugamaan, sosial, sokan dan sa-bagai-nya dalam mengharumkan lagi nama kampong masing2.

"Saya juga berharap kapada pendudok2 kampong supaya akan sentiasa menghadapkan segala masaalah2 yang di-hadapi kapada ketua2 kampong atau penghulu2 untok di-selesaikan," kata-nya lagi.

Menurut beliau, masaalah perumahan sa-umpama ini berlaku, tegas-nya ada-lah di-sebabkan kurang-nya kawasan kerana kesesakan rumah2 yang di-bangunkan dari semasa kesemasa.

### KEBERSEHAN

Walau bagaimana pun kata-nya, masaalah atau kerumitan saperti ini akan sentiasa di-ambil perhatian oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara dalam mengujudkan satu masharakat kampong yang bersatu padu.

Menyentoh mengenai dengan jambatan pula, Pegawai Daerah itu berharap kapada pendudok2 kampong supaya akan sentiasa menjaga kebersehan serta alat2 yang di-lengkapkan di-sa-panjang jambatan tersebut.

# Jangan buat pemasangan tanpa kebenaran Jabatan Letrik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendudok2 Kampong Ayer di-ingatkan supaya jangan menambah, mengubah serta membuat sendiri pemasangan letrik tanpa kebenaran dari Jabatan Letrik.

Ingatan ini di-buat oleh Awang Ibrahim bin C. A Mohammad ketika beruchap kapada 30 orang pendudok2 mukim kampong ayer di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan baru2 ini.

Berpandukan pemereksaan yang di-jalankan oleh Jabatan Letrik, ada terdapat pendudok2 kampong ayer memasang dan "mewiring" sendiri alat2 letrik sa-chara sendiri tanpa keizinan dari pehak yang tertentu.

### BAHAYA

Pendudok2 di-situ menganggap 'pemasangan sendiri2' itu sa-bagai mudah lagi murah tetapi tidak memikirkan yang perbuatan itu boleh mendatangkan bahaya yang kechelakaan-nya bukan sahaja terhadap diri-nya sendiri malahan masharakat kampong am-nya.

Menurut-nya, pemasangan letrik memerlukan kemahiran yang di-akui sebab itu kerja2 pemasangan letrik chuma di-bolehkan melalui sharikat yang daftar di-Jabatan Letrik.

Menyentoh mengenai dengan penggunaan dan penggantian plus pula, beliau menjelaskan ada sa-tengah2 pengguna memakai wayar sebarangan seperti 'jemuran kain', aliminium copper dan ada pula yang menggunakan timah rokok semata-mata untok mendapatkan bekalan tenaga letrik.

Penggunaan plus yang tidak sesuai, tegas-nya boleh menyebabkan kebakaran kerana ia-nya menjadi panas dan dengan suhu kepanasan ini akan boleh merosakkan 'pius meter-board' dan dinding2 rumah dalam jangka waktu yang tidak dapat di-ketahui.

Kebakaran yang sering berlaku waktu ini, sa-bahagian-nya di-dapati oleh Jabatan Bomba ada-lah di-akibatkan oleh kerosakkan letrik atau pemasangan letrik yang tidak sesuai.



Awang Ibrahim

Walau bagaimanapun kata-nya, pemasangan letrik di-rumah2 samada di-kampong ayer dan di-darat ada-lah selamat jika ia-nya di-gunakan atau di-pasang dengan mengikut undang2 dan peratoran2 yang betul.

Tetapi terdapat kejadian, di-Kampong ayer dimana wayar letrik di-jalankan di-atas sungai dan di-tongkat dengan menggunakan batang2 kayu dan buloh2 dari sa-buah rumah yang lain untok mendapatkan bekalan letrik. Ini sangat-lah membahayakan, kata-nya.

Jadi kebanyakan kesalahan menggunakan wayar2 letrik ini, kata-nya ada-lah di-sebabkan orang tidak memikirkan bahaya2-nya bahkan mereka hanya tahu kesenangan2 semata-mata.

## Perlawanan chator

BANDAR SERI BEGAWAN.— Perlawanan Chator Gerak Kilat akan di-adakan di-Pusat Belia pada 24hb Mei 1981 jam 9.00 pagi. Perlawanan itu akan di-kelolakan oleh Persatuan Chator Brunei dan di-taja oleh Sharikat Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kedayan.

Hadiah2 berupa wang tunai berjumlah $225 akan di-berikan. Semua pemain2 ada-lah di-pelawa untok masok bertanding.

# Jabatan Bomba sedia lateh pendudok2 kampong

Oleh :
JA'AFAR IBRAHIM



Awang Haji Yaakob

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Bomba bersedia melateh dan menunjok ajar chara2 atau teknik memadamkan api kebakaran yang betul dan sistematik kapada pendudok2 di-sekitar kampong ayer bila2 masa di-perlukan.

Untok tujuan tersebut, mana2 pendudok2 kampong ayer yang berhajat boleh-lah merundingkan dengan ketua2 kampong atau penghulu2 masing2 bagi di-hadapkan kapada Jabatan Bomba.

Demikian di-jelaskan oleh Pengawal Pasokan Bomba Brunei, Awg Haji Yaakob bin Haji Yusof ketika menjawab soalan yang di-kemukakan di-dalam majlis taklimat bagi 30 orang pendudok2 mukim kampong ayer anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Khamis 7hb Mei yang baru lalu.

### TUNJOK AJAR

"Apa yang kami mahukan ia-lah supaya sa-tiap kampong atau mukim akan dapat mengumpolkan anak2 kampong di-satu tempat yang khas dan menentukan masa serta tarikh pada mengadakan perkara sa-umpama itu," ujar-nya dengan penoh harapan.

Kerana, tegas-nya dengan menunjok ajar bagaimana teknik2 memadamkan api, pendudok2 kampong ayer akan mendapat faedah yang berguna bukan sahaja untok kepentingan diri sendiri bahkan kapada masharakat kampong sekitar-nya di-samping dapat menolong Pasokan Bomba dalam memadamkan sa-barang kebakaran yang berlaku.

Menyentoh mengenai soal2 pembekalan kemudahan alat2 memadam api di-kampong ayer, beliau menjelaskan bahawa Jabatan Bomba telah pun menyediakan alat2 pemadam api di-sa-tiap kampong yang di-tetapkan di-rumah ketua kampong.

### KESULITAN

Tetapi kata-nya lagi, apa yang mendukachitakan kapada Pasokan Bomba ia-lah sa-tengah2 kemudahan tersebut di-dapati tidak di-pelihara dengan baik.

Jadi-nya perkara sa-umpama ini menjadi kesulitan kapada Pasokan Bomba dan untok pemeliharaan-nya yang baik serta kegunaan-nya yang praktikal di-waktu2 yang di-perlukan, jabatan tersebut meminta kapada pendudok2 kampong ayer supaya akan dapat menchadangkan 'strategic point' untok menempatkan alat2 dan kemudahan2 pemadam api yang di-bekalkan itu.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Pengawal Pasokan Bomba itu mengingatkan kapada suri2 rumahtangga supaya jangan membiarkan anak2 mereka bermain dengan perkakas yang boleh mengeluarkan api ia-itu saperti dian, machis dan sa-bagai-nya.

Kerana kata-nya, beberapa kes kebakaran yang berlaku ada-lah berpuncha daripada membiarkan anak2 bermain dengan machis mithal-nya saperti kebakaran di-Kampong Teraja pada tahun ini yang di-sebabkan oleh kanak2 bermain api.

### BERHATI2

Di-samping itu, Awang Haji Yaako juga mengingatkan kapada suri2 rumahtangga supaya akan sentiasa berhati2 dalam menggunakan sa-barang kemudahan2 saperti alat2 dapor gas dan sa-bagai-nya.

Kapada orang2 yang merokok pula, beliau seterus-nya mengingatkan supaya akan dapat menyediakan tempat pembuangan rokok yang sesuai pada mengelakkan sa-barang kemungkinan kebakaran berlaku di-sebabkan kelalaian ia-itu saperti merokok dan sa-umpama-nya.

# Jadual lawatan Pos bergerak

| ISNIN (Jalan Tutong hingga Jerudong Park) | Tiba | Jam |
|---|---|---|
| Pejabat Istana Darul Hana | 8.00 | pagi |
| Sekolah Melayu Kilanas | 8.35 | ,, |
| Gerai Kampong Tanjong Bunut | 8.50 | ,, |
| Pejabat Pertanian Kilanas | 9.05 | ,, |
| Sekolah Melayu Jerudong | 9.35 | ,, |
| Kawasan Kedai Indah Pandangan Laut Jerudong | 9.50 | ,, |
| Kantin Jerudong Park | 10.15 | ,, |

| SELASA (Bengkurong hingga Kupang) | Tiba | Jam |
|---|---|---|
| Sekolah Melayu Bengkurong | 8.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 8.20 | ,, |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 8.40 | ,, |
| Sekolah Melayu Bebuloh | 9.10 | ,, |
| Sekolah Melayu Panchor Murai | 9.50 | ,, |
| Kampong Bebatik | 10.10 | ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 10.25 | ,, |
| Sekolah Melayu Kati Mahar | 10.45 | ,, |
| Kedai Sharikat Kerjasama Kampong Lugu | 11.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Kupang | 11.15 | ,, |

| RABU (Pejabat Istana Darul Hana, Kiulap hingga Kawasan Gadong) | Tiba | Jam |
|---|---|---|
| Pejabat Istana Darul Hana | 8.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Kiulap | 8.35 | ,, |
| Sekolah Melayu Kiarong | 8.50 | ,, |
| Sekolah Melayu Pantai Jiam Beribi | 9.05 | ,, |
| Gerai Kampong Mata-Mata | 9.45 | ,, |
| Kedai Iktasad Ibunda Kampong Mata-Mata | 10.00 | ,, |
| Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah Gadong | 10.20 | ,, |
| Sekolah Melayu Gadong | 10.35 | ,, |
| Sekolah Melayu Tungku | 10.55 | pagi |
| Kawasan Perumahan Gadong Estate | 11.10 | ,, |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Rimba | 11.25 | ,, |

| KHAMIS (Kawasan Subok, Mentiri hingga Jalan Muara) | Tiba | Jam |
|---|---|---|
| Sekolah Melayu Subok | 8.00 | ,, |
| Kawasan Kedai Kerjasama Kampong Belimbing | 8.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Pintu Malim | 8.35 | ,, |
| Kawasan Kedai Kg Pelambayan | 8.50 | ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 9.05 | ,, |
| Kawasan Kedai Kg Sungai Matan | 9.20 | ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Besar | 9.40 | ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.55 | ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 10.20 | ,, |
| Pusat Perubatan AMD Muara | 10.40 | ,, |
| Sekolah Melayu Tanah Jambu | 11.05 | ,, |
| Kawasan Rumah No. 16 Kampong Salambegar | 11.20 | ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 11.40 | ,, |

| SABTU (Anggerek Desa, Serusup hingga Kg Manggis II) | Tiba | Jam |
|---|---|---|
| Sekolah Melayu Amar Pahlawan | 8.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 8.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Berakas | 8.30 | ,, |
| Kawasan Kedai Mah Serah Bt. 5 Kg Serusup | 8.45 | ,, |
| Kawasan Rumah No. 15 Kampong Terunjing | 9.10 | ,, |
| Kawasan Rumah No. 74D Kampong Manggis Dua | 9.40 | ,, |
| Pusat Latehan Pulis | 9.55 | ,, |

# SMSBB LANCHAR KAJIAN ALAM SEKITAR



Awang J. A. Colligan.

*"Sa-kumpolan Saintis buat kajian perengkat pertama"*

**Oleh: Shadoon Lamzi**

**SUDAH banyak di-timbulkan di-dalam akhbar2 atau pun majallah2 luar tentang bahaya2 atau pun anchaman2 dari penchemaran yang di-telurkan oleh industri2 atau pun perusahaan2 di-tempat2 yang berkenaan.**

Alam sekitar perlu dilindongi daripada anchaman anasir2 penchemaran ini dan paling penting ada-lah perlu di-pastikan yang udara di-sekeliling kita ini selamat untok di-sedut, lautan bebas daripada penchemaran serta segala kehidupan di-dalam-nya bebas daripada chairan berachun yang di-alirkan oleh industri2 atau pun perusahaan di-sa-sebuah kawasan itu.

## PENCHEMARAN

Di-negara kita, penchemaran yang kita hadapi tidak-lah begitu serius saperti mana yang di-rasai oleh negara2 lain yang dipenohi dengan banyak industri dan satu2-nya kegiatan perusahaan yang paling besar chuma-lah di-dalam penghasilan minyak dan gas chechair asli.

Soal-nya sekarang apa-kah ada yang terancham dan harus di-perlindongi akibat 'impact' atau pun kesan daripada penghasilan minyak di-Brunei yang bermula sejak kira2 satengah abad yang lalu itu ?

Jawapan-nya chuma dapat di-berikan sa-telah satu kajian meluas di-laksanakan dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah mengambil langkah yang berkaitan dengan perkara ini dengan menaja sa-kumpolan saintis untok membuat kajian alam sekitar yang mana perengkat pertama-nya telah di-adakan di-sepanjang minggu pertama bulan ini.

Berikut ia-lah temuramah khas pehak Pelita dengan Awang J.A. Colligan, pengurus operasi SMSBB bertempat di-pejabat beliau minggu lalu.

SOALAN: Pembacha2 Pelita atau pun orang ramai umom-nya tentu sekali berminat untok mengetahui lebeh lanjut tentang apa-kah kajian ekoloji itu. Tuan tentu sekali dapat memberikan penerangan.

## KESAN

J. A. COLLIGAN: Kajian ekoloji yang di-jalankan ini di-maksudkan untok menchari apa-kah kesan yang timbul dari perusahaan kami pada ekoloji di-pesisiran pantai Brunei. Di-kebanyakan tempat apabila kita memulakan operasi perusahaan minyak, ada-lah menjadi perkara biasa untok kita menjalankan kajian ekoloji ini.

Kes kelasik yang menimbulkan kesan yang boleh membinasakan dalam konteks ini ada-lah apabila terdapat-nya satu penchemaran minyak yang mana boleh membunoh kehidupan laut saperti kerang2-an.

Apa yang di-buat oleh para saintis tadi ada-lah memungut chontoh2, di-tempat2 di-mana kami menjalankan perusahaan dan di-satu kawasan yang lain untok mempastikan sama ada terdapat-nya perbedzaan di-antara satu dengan lain dan selanjut-nya untok mengkaji jika perbedzaan ini timbul akibat kesan daripada perusahaan minyak.

## TERMINAL

Di-terminal kami di-Seria, kami terpaksa menjalankan proses *de-hydration*, ia-itu memisahkan ayer dengan minyak dengan menggunakan bahan kimia.

Dan di-dalam sa-hari kami terpaksa menyalorkan kira2 57,000 tong atau pun kira2 10,000 tan ayer ka-laut. Ada-lah mustahil bagi kami untok memisahkan langsong minyak daripada ayer2 yang di-salorkan tadi dan perbuatan menyalorkan ayer ka-Laut China Selatan ini telah kami buat sejak bertahun-tahun yang lalu.

Kajian ini kelak tentu sekali boleh mempastikan sama ada kehidupan2 laut, (biological population), pasir2 di-luar pantai atau pun di-pesisir itu mengandongi minyak atau pun kimia.

SOALAN: Siapa-kah mereka yang bertanggong-jawab di-dalam membuat kajian ini?.

J. A. COLLIGAN: Kumpulan saintis ini di-ketuai oleh Dr K. S. LeGor dan di-anggotai oleh Dr Steve Danek kedua2-nya daripada Environmental Science and Engineering Inc dari Amerika Sharikat, Dayang W. de Lingny, dari Jabatan Kaji Rachun di-SPM, Hague, Dr Leong Tak Seng, Dr Leong Yueh Kwong, Dr Ho Sinn Chye, Dr Won Tak Meng, Dr Khoo Khay Huat dan Dr Sulaiman Hanapi — kesemua-nya daripada Universiti Sains Malaysia.

## SAINTIS

Ini menunjokkan yang mereka ada-lah terdiri daripada saintis2 yang menjalankan kajian sa-chara bebas dan penglibatan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-dalam membuat kajian ini ada-lah terhad untok menjauhi segala perasangka yang kurang menyenangkan.

SOALAN: Bila-lah keputusan daripada kajian ini akan dapat di-perolehi.

J. A. COLLIGAN: Kami berharap yang keputusan ini akan dapat kami perolehi dalam pertengahan tahun hadapan.

SOALAN: Berapa-kah perbelanjaan yang terlibat di-dalam kajian ini ?

J. A. COLLIGAN: Saya tidak mempunyai angka2 yang tepat mengenai dengan perbelanjaan ini, tetapi besar kemungkinan ianya melibatkan beratus ribu ringgit.

SOALAN: Apa-kah ada perkara2 lain yang Tuan hendak katakan mengenai dengan perkara ini.?

J. A. COLLIGAN: Perlu saya tekankan yang sebab utama mengapa kajian ini kami jalankan ada-lah untok menunjokkan perhatian kami yang berat di-dalam melindongi alam sekitar di-sini yang menjadi tugas penting kita.





GAMBAR2 atas dan bawah kelihatan saintis dari Universiti Sains Malaysia memungut pasir di-pantai Sungai Bera, Seria.



SALAH sa-orang saintis dari Universiti Sains Malaysia (kanan) sedang mengumpulkan 'samples' yang di-perolehi di-laut berdekatan dengan pantai Lumut.

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# CHUKUP SHARAT, TETAPI...

**Siri ke-80**

**MASAALAH (1) :**

BAGAIMANA hukum-nya orang yang sembahyang yang chukop sharat dan rukun-nya tetapi lalai dalam sembahyang (hati-nya ingat yang lain) atau dia sentiasa menyakiti orang lain dengan lidah-nya ?

**JAWABAN :**

DIA akan di-beri pahala sa-kadar ingat hati-nya kapada Allah Ta'ala dalam sembahyang dan dia akan di-siksa oleh Allah atas kejahatan-nya menyakiti orang lain dengan lidah-nya, ia-itu kira-nya dia tidak di-ampunkan Allah dan tiada pula dia bertaubat dengan meminta ampun daripada orang yang di-sakiti-nya itu.

**TAUBAT**

Mengenai taubat ini Al-Imam An-Nawawi dalam **Riadhus Salehen** mengatakan : Taubat itu wajib dari segala dosa. Jika maksiat atau dosa itu di-antara hamba dengan Allah Taala dan tiada pula ada hubongan-nya dengan manusia maka bagi orang yang hendak bertaubat itu ada tiga sharat :

Pertama : Hendak-lah dia keluar dari maksiat dan dosa itu dengan berhenti dan meninggalkan-nya.

Kedua : Hendak-lah dia menyesal di-atas perbuatan-nya mengerjakan dosa itu.

Ketiga : Hendak-lah dia berazam tiada hendak kembali pada membuat maksiat atau dosa itu untok salama2-nya.

Jika kurang satu sharat dari tiga sharat itu maka tiada-lah sah dan tiada diterima taubat-nya itu.

Jika dosa itu berhubong dengan perkara manusia maka sharat taubat pada-nya ada empat; ia-itu tiga daripada-nya ia-lah saperti sharat2 yang di-sebutkan tadi dan yang ke-empat hendak-lah dia tunaikan hak orang yang di-sakiti-nya itu.

Kalau hak atau perkara itu berupa harta atau sa-umpama-nya hendak-lah dia kembalikan kapada tuan atau orang yang ampunya hak atau perkara itu.

Kalau hak atau perkara itu berupa 'had qazaf' dan sa-umpama-nya maka hendak-lah dia menyerah diri bagi di-kenakan hukuman 'had qazaf' itu, atau pun dia meminta ma'af daripada-nya.

Kalau pada perkara mengumpat maka hendak-lah dia meminta halalkan daripada-nya.

Dan wajib-lah orang yang bertaubat itu bertaubat dari segala dosa-nya. Jika dia bertaubat dari sa-tengah2 dosa-nya sahaja maka taubat-nya itu — bagi ahulul haqqi Ahlus Sunnah Wal-jama'ah — sah taubat-nya itu dari sa-takat dosa-nya yang dia bertaubat itu dan wajib dia bertaubat dari dosa-nya yang lain yang belum dia bertaubat.

Ayat2 Kor'an dan hadith dan ijara' umat Islam telah sekata bahawa wajib bertaubat dari maksiat atau dosa.

**MASAALAH (2) :**

BAGAIMANA hukum mandi junub yang tidak di-sertai dengan berniat mandi yang wajib; atau berniat mandi tetapi sabelum ayer di-jirus katuboh; atau ayer mandi itu tidak sampai kapada kulit anggota2 yang sulit.

**JAWAB :**

MANDI junub itu wajib. Jika mandi junub tiada berniat mandi junub tiada-lah sah mandi tersebut selagi tidak di-niatkan ketika mula membasoh sa-suatu anggota badan.

Dan kalau berniat sabelum mandi belum-lah niat nama-nya. Niat mandi erti-nya sa-seorang berniat mandi fardhu serta menjirus ayer ka-atas badannya.

**ANGGOTA SULIT**

Dan mengenai anggota sulit ketika mandi itu maka hendak-lah di-kendorkan lobang dubor waktu membasoh lobang dubor ketika mandi junub atau mandi haidh atau mandi nifas dan hendak-lah sampai ayer itu pada zahir faraj ketika perempuan dudok menchangkong. Mana yang zahir nyata itu dari lobang faraj itu di-kira zahir. Dan wajib-lah di-mandikan zahir faraj itu. Kira-nya tiada sampai ayer atau tiada berlari (tiada mengalir) ayer ka-zahir faraj atau zahir dari lobang dubor itu tiada-lah sah mandi junub atau haidh atau nifas atau mandi2 sunnat itu.

**MASAALAH (3) :**

PEREMPUAN bersalin dimandikan oleh bidan dengan ayer yang bermacham2 dan niat mandi-nya di-niatkan oleh bidan.

**JAWABAN :**

PEREMPUAN yang bersalin yang maseh dalam nifas yakni darah nifas belum habis kering maka mandi-nya chuma mandi biasa yang teradat, bukan mandi nifas. Dan tiada halal mandi nifas sa-belum selesai nifas. Dan mandi nifas itu ia-lah bila darah nifas itu telah kering umpama-nya sa-telah tiga puloh lima atau empat puloh atau empat puloh lima hari mengikut tabiat dan keadaan perempuan itu sendiri. Akan tetapi jika lebeh dari enam puloh hari maseh juga keluar darah maka darah yang keluar itu di-namakan darah 'istihadhah'.

Dan ayer mandi-nya itu wajib-lah ayer mutlak, bukan ayer yang berchampor dengan daun yang luloh didalam-nya.

Dan niat-nya hendak-lah perempuan yang mandi nifas itu sendiri yang berniat mandi fardhu nifas atau mengangkat hadath nifas, bukan orang lain yang berniat bagi pehak-nya kerana niat mandi hadath tidak sah di-wakilkan kapada orang lain.

**MASAALAH (4) :**

Apa-kah siksa kapada orang yang tiada mandi junub ?

**JAWABAN :**

ORANG yang tiada mandi junub itu ada-lah musoh kapada malaikat Kiramun Katibun yang menulis kelakuan manusia. Ada satu jenis malaikat ia-itu-lah yang di-namakan malaikat Rahmat yang mendo'akan orang2 mu'min dan memberi perlindongan kapada mereka. Dan malaikat Rahmat itu hadhir dimajlis zikir (majlis yang menyebut nama Allah) saperti majlis mengaji Kor'an, Berzanji, Tahlil dan Do'a, Belajar Ilmu Ugama dan sa-umpamanya yang mana malaikat tersebut mendo'akan orang2 mu'min.

Ada pun dari segi ibadat orang junub yang tiada mandi junub maka tiada-lah sah sembahyang-nya dan haram bagi-nya membacha Kor'an dan tiada-lah dia dapat mengerjakan sembahyang apabila masok waktu-nya.

Jadi-nya selagi dia tiada mandi junub selagi itu-lah dia meninggalkan sembahyang, dan hukum meninggalkan sembahyang itu sangat dahshat. Dan tiada-lah datang malaikat Rahmat untok mendo'akan-nya waktu dia hendak mati dan membantu dia dari dihasut oleh shaitan.

*WALLAHU A'ALAM*

# SEDEKAH




SITI Aisah r.a. ia-itu isteri Rasulullah s.a.w. ada mencheritakan bahawa: sa-orang perempuan telah datang berjumpa Nabi s.a.w. dengan keadaan tangan kanan-nya lemah, lalu ia berkata: "Wahai Nabi Allah do'akan-lah hamba kapada Allah supaya baik tangan hamba ini". Jawab Baginda: "Kenapa tangan-mu sampai jadi begini?" Jawab perempuan itu: "Malam tadi hamba telah bermimpi. Dalam mimpi itu hamba lihat sa-olah2 dunia sudah kiamat. Neraka pun sudah di-nyalakan dan shorga pun sudah di-hamparkan. Maka hamba lihat dalam neraka jahanam itu ibu hamba di-tangan-nya yang satu ada sa-potong lemak dan di-tangan-nya yang lagi satu ada sa-potong percha kain. Dengan ada-nya kedua-dua benda itu terlepas-lah ia daripada terkena api neraka. Lalu hamba bertanya kapada-nya: "Wahai ibu-ku kenapakah ibu berada di-lembah neraka yang sengsara ini pada hal ibu ta'at kapada Tuhan dan suami ibu redha kapada ibu?" Jawab ibu hamba: "Wahai anak-ku! Dahulu waktu di-dunia ada-lah aku ini orang yang bakhil, dan ini-lah tempat kediaman orang bakhil". Kemudian hamba berkata kapada-nya: "Apa-kah erti-nya lemak dan percha kain di-tangan ibu ini?"

Ibu hamba menjawab: "Ini-lah kedua-dua benda yang pernah aku sedekahkan di-dunia dan tidak pernah lagi aku bersedekah sa-panjang umor-ku sa-lain daripada-nya".

Hamba berkata lagi kapada-nya: "Di-mana-kah ayah-ku?" Jawab ibu: "Dia orang pemurah dan dia berada di-tempat kediaman orang2 yang pemurah. Kemudian hamba pun pergi ka-shorga. Hamba dapati ayah hamba sedang berdiri di-atas telaga tuan hamba ya Rasulullah. Hamba katakan kapada-nya: "Wahai bapaku! bahawa ibu ku ada-lah ta'at kapada tuhan, dan ayah pun redha kapada-nya, sekarang dia berada di-lembah neraka sedang ayah memberi minum orang dari telaga Rasulullah ini, berikan-lah dia sa-tegok ayer dari telaga ini".

Ayah hamba menjawab: "Ayer telaga Nabi s.a.w. ini ada-lah di-haramkan Allah kapada orang2 yang bakhil dan orang2 berdosa". Kemudian dengan tidak sa-izin-nya hamba ambil sa-gelas ayer itu lalu hamba dengar bunyi suara berkata: "Di-lemahkan-lah Allah tangan-mu kerana engkau memberi minum orang yang melakukan maksiat lagi bakhil dari telaga Rasulullah". Lalu hamba pun terjaga dan hamba dapati tangan kanan hamba telah menjadi lemah.

Kemudian berkata-lah Syedatina Aisah r.a.: "Sa-telah Nabi s.a.w. mendengar cherita perempuan itu lalu Baginda letakkan tongkat Baginda ka-atas tangan kanan perempuan itu sambil berdo'a: Tuhan-ku, dengan kebenaran mimpi yang di-cheritakan ini, sembohkan-lah tangan-nya". Maka dengan limpah rahmat Allah semboh-lah tangan perempuan itu.

Kemudian Baginda pun bersabda (kira2 bermaksud): *"Pemurah itu ada-lah suatu pohon di-shorga. Dahan2-nya terhulor ka-dunia. Barang siapa yang mengambil satu dahan daripada-nya neschaya di-tarek-nya masok ka-dalam shorga. Sedangkan bakhil itu ada-lah merupakan satu pohon di-neraka. Dahan2-nya pun terhulor ka-dunia. Barang siapa yang memegang satu dahan daripada-nya neschaya di-tarek-nya ka-dalam neraka".*

Demikian-lah wahai kaum muslim kesah mimpi sa-orang perempuan yang telah di-cheritakan kapada Nabi s.a.w. di-mana sa-orang ibu yang ta'at kapada Allah dan suami-nya pun redha kapada-nya tetapi ia-nya bakhil di-dunia, menjadikan-nya masok ka-dalam neraka dan tiada ada yang menyelamatkan-nya dari terkena api neraka ini melainkan kerana ia pernah bersedekah dengan sa-ketol lemak dan sa-keping percha kain.

Ini menunjokkan bahawa sifat bakhil itu sangat terchela dan tidak di-sukai oleh Allah s.w.t. Kerana itu Allah s.w.t. telah memerintah kapada kita supaya bersifat pemurah dan tidak berat hati dan tangan untok menghulorkan sedekah.

Rasulullah s.a.w. dalam hadith2 Baginda banyak sa-kali menggesa kita supaya berbuat demikian. Sa-bagai mithal Baginda bersabda yang kira2 bermaksud: *"Bersedekah-lah kamu kerana sa-sunggoh-nya sedekah itu melepaskan kamu daripada api neraka".*

Dalam satu hadith yang panjang Baginda telah bersabda yang kira2 bermaksud: *"Sa-sunggoh-nya pada sedekah2 itu ada mengandongi lima kelebehan. Pertama: ia-nya menambahkan harta2 mereka. Kedua: menyembohkan penyakit. Ketiga: di-jauhkan bala daripada mereka. Ke-empat: mereka akan lalu di-atas jambatan sirat saperti kilat yang menyambar. Dan kelima: mereka masok ka-shorga tanpa di-hisab dan tanpa di-timpa azab terlebeh dahulu".*

Dari itu mari-lah kita memperbanyakkan sedekah dan berusaha mengikis sifat2 bakhil dari diri kita masing2, mudah-mudahan dengan demikian akan terselamat-lah kita daripada api neraka dan daripada segala macham bala benchana di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb Mei, 1981 hingga ka-hari Selasa 26hb Mei, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 20hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 21hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 22hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 23hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 24hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 25hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 26hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Ibu-bapa sebagai chontoh dalam mendidek anak2

O *Bingkisan minggu ini*

SALAH satu daripada kewajipan ibu-bapa terhadap anak2 ia-lah memberi nasehat yang berguna untok bekalan mereka di-dunia dan akhirat. Pesanan2 untok melakukan perkara yang baik harus-lah di-berikan sejak dari anak2 itu maseh kechil lagi, khusus-nya sa-belum mereka menchapai usia remaja kerana, sa-memang-nya dari faktor pendidekan sendiri, mendidek anak2 yang maseh muda jauh lebeh berkesan daripada mendidek golongan tua yang sudah masak dengan pengaroh 'alam sekitar.

Salah satu pengajaran yang utama yang harus di-sematkan ka-dalam pemikiran anak2 ia-lah pengajaran yang berhubong rapat dengan perkara mengesakan Allah s.w.t. kerana mengesakan Allah ada-lah akar tunjang bagi sa-seorang itu.

Hubongan perkara ini, dalam Al-Kor'an ada di-cheritakan tentang kesah Luqman menasehati anak2-nya saperti dalam Surah Luqman ayat 13 dan 17 yang kira2 maksud-nya:

*"Dan ingat-lah! tatkala Luqman berkata kapada anak-nya, di-waktu ia memberi pelajaran kapada-nya, Wahai anak-ku, jangan-lah kamu mempersekutukan Allah, sa-sunggoh-nya mempersekutukan Allah itu ada-lah satu kedzaliman yang amat besar"'.*

Dan maksud Ayat 17: *"Hai anak-ku, dirikan-lah sembahyang dan suroh-lah (manusia) mengerjakan yang baik dan chegah-lah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabar-lah terhadap apa yang menimpa kamu. Sa-sunggoh-nya yang demikian itu termasok hal2 yang di-wajibkan oleh Allah".*

Dari maksud ayat2 tersebut, dapat-lah di-ambil pengertian bahawa Luqman memberikan nasehat penting kapada anak2-nya yang antara-nya: Pertama — melarang anak2-nya jangan menyekutukan Allah. Kedua — menyuroh mengerjakan sembahyang. Ketiga — menasehati anak-nya bersabar apabila di-timpa bala benchana.

Daripada nasehat atau pesanan Luqman kapada anak2-nya itu dapat-lah juga kita mengambil chontoh bahawa peranan ibu-bapa dalam usaha memberi nasehat dan tunjok ajar kapada anak2 ada-lah suatu perkara yang amat penting. Anak2 tidak boleh di-biarkan begitu saja tanpa di-berikan tegoran dan nasehat, baik nasehat itu mengenai perkara2 ugama, amal ibadat, tata tertib atau sopan santun bermasharakat dan lain2.

Dalam memberikan chontoh kapada kehidupan anak2, ibu-bapa perlu-lah menekankan bahawa sifat anak2 yang tidak pedulikan kapada kewajipan berugama hendak-lah di-kikis dari fahaman mereka dan sa-bagai menggantikan-nya, para ibu-bapa hendak-lah menunjokkan segala sifat dan tingkah laku, perchakapan atau perbuatan yang berchorak ketaatan kapada Allah. Tanggong-jawab ibu-bapa sa-terus-nya ia-lah menasehati atau menyuroh anak2 mendirikan sembahyang. Dalam perkara ini terdapat sa-tengah2 ibu-bapa kurang mengambil berat menyebabkan anak2 terbiar dengan tiada ada tunjok ajar terhadap melakukan ibadat sembahyang.

Dan yang lebeh malang lagi, ada sa-tengah2 ibu-bapa merengan-rengankan, malah ada yang langsong sama sa-kali tidak melakukan-nya, jadi dalam hal ini bagaimana anak2 akan mengerjakan sembahyang jika ibu-bapa tidak pernah sembahyang.

Ibu-bapa harus-lah ingat bahawa sembahyang itu ada-lah tiang ugama dan anak kunchi bagi segala kebajikan, malah sembahyang ada-lah juga satu benteng yang kuat, yang menahan daripada angkara kejahatan dan kemungkaran.

Nasehat sa-lanjut-nya ia-lah menekankan sifat sabar, terutama ketika di-timpa mala petaka. Ibu-bapa hendak-lah menanamkan sifat tersebut ka-dalam jiwa anak2 dengan chara nasehat dan pesanan yang baik dan lemah lembut, menasehati supaya anak2 jangan putus harapan, jangan mudah kechewa sa-balek-nya kuat chita2 dalam menghadapi sa-suatu musibah yang menimpa hidup mereka.

Sa-terus-nya anak2 harus-lah di-yakinkan bahawa segala bentok benchana, kesusahan atau lain2 masaalah ada-lah merupakan takdir Allah, yang mana Allah bertujuan untok menguji sa-jauh mana kesabaran dan kekuatan iman sa-seorang manusia, saperti yang di-terangkan oleh Allah dalam Surah Muhammad ayat 31, yang kira2 maksud-nya: *"Dan sa-sunggoh-nya Kami (Allah) benar2 akan menguji kamu agar Kami (Allah) mengetahui orang2 yang berjihad dan bersabar di-antara kamu dan agar (Allah) mengatakan (baik burok-nya) hal ehwal kamu".*

Demikian-lah chontoh pendidekan yang di-kisahkan dalam Al-Kor'an oleh Luqman dalam menasehati anak2-nya. Semoga dengan chontoh2 tersebut kita para ibu-bapa akan mengamalkan dalam membentok dan mengasoh anak2, supaya anak2 akan menjadi manusia yang bersopan santun, malah mempunyai akhlak yang terpuji dalam menyembah Allah Yang Maha Suchi tidak menyekutukan dengan sa-suatu, mendirikan sembahyang serta terpelihara daripada segala yang di-murkai Allah dan menjadi manusia yang beriman dengan sa-benar-nya yang akan berbahagia di-dunia dan di-akhirat.

# Empat di-pileh wakili kawasan Brunei III

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang qari dan dua orang qariah telah terpileh untok mewakili Brunei III ka-Pertandingan Membacha Al-Kor'an perengkat Daerah Brunei dan Muara yang akan berlangsong bulan depan.

Qari2 dan qariah2 itu ia-lah Awang Mahalee bin Haji Besar, Awang Mohd Yusof bin Tahir, Malai Rahmalini bte Haji Suhaili dan Dayang Mastura bte Zainal.

Mereka itu di-pileh sa telah masing2 berjay mendapat tempat pertama dan kedua dalam peraduan perengkat ka-wasan yang telah di-adakan pada 10hb Mei yang lalu.

Peraduan tersebut yang berlangsong di-Sekolah Ugama Pengiran Al-Muhtadee Billah telah di-rasmikan oleh Pengawal Kenderaan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin.

# PUNCHA2 KEMUNDORAN SA-SEBUAH SHARIKAT

**Oleh: Jahri Latif**

KEMUNDORAN sa-sebuah sharikat se-lalu-nya berpuncha kerana organisasi-nya yang tidak bersistematik, modal-nya pinchang, tidak ada persefahaman yang bulat di-kalangan ahli2-nya, mementingkan diri sendiri di-samping ada ahli2-nya tidak memberi kerjasama dan mengambil peranan langsong untok memajukan sharikat itu.

Maka, kerana beberapa puncha ini-lah, sebab musabab SHARIKAT MELAYU SENGKURONG walau pun sudah 12 tahun ia di-tubohkan namun ia-nya maseh teraba2 dan belum ada 'kandar untok menyulor' kedudokan sharikat ini. Perjalanan sharikat ini, sa-makin hari sa-makin kehausan pelanggan, sunggoh pun pada nya sharikat ini mempunyai 300 orang ahli tetapi sejak akhir2 ini, sharikat ini telah 'kekurangan moral dan material support' dari kalangan ahli2 saham-nya sendiri.

## MEROSOT

Perkara ini di-jelaskan oleh Dato Paduka Haji Judin bin Asar, Pengarah Lembaga Sharikat Melayu Sengkurong ketika beruchap di-Mashuarat Agong sharikat itu baru2 ini yang berlangsong di-*Dewan Sekolah Melayu* Sengkurong.

Beliau telah melahirkan rasa kesal-nya, kerana menurut-nya, "sa-tiap tahun umor sharikat ini meningkat, moral support-nya kian menurun akibat ada di-antara ahli2 sharikat ini sendiri yang belot dan menjadi perosak."

Sharikat ini, tegas beliau saperti juga dengan sharikat2 bumiputera lain yang ada di-negeri ini mempunyai hasrat dan matalamat untok melateh dan mengajar kaum bumiputera untok mengambil peranan aktif dalam bidang ekonomi.

Kerana kalau di-kaji sa-chara menyeluroh tentang penubohan sharikat2 kerjasama bumiputera sama ada usaha perseorangan atau di-asaskan oleh persatuan2 kebajikan yang tumboh berselerak saperti chendawan di-musim hujan dalam tahun2 enam pulohan. Mungkin semua sharikat2 itu mempunyai objektif yang sama: bahawa pembangunan ekonomi sa-lama ini hanya di-monopoli oleh bangsa asing yang menumpang di-negeri ini. Maka di-atas kesedaran yang meledak itu bumiputera Melayu mesti mengubah sikap! kalau jua bumiputera maseh 'berpelok tuboh', alamat bumiputera akan terus bergayut kapada ekonomi bangsa asing yang bermastautin di-negeri ini.

Tetapi sa-lama mana kesedaran orang2 Melayu untok perjuangan meningkatkan taraf perekonomian bumiputera ini sendiri, kalau semangat yang meledak itu sa-mak'n hari sa-makin 'tabalurut.' Di-mana kesetiaan kita bumiputera untok mengkukohkan jalinan perpaduan dalam konteks bersharikat apatah lagi untok berlumba2 dan menyaingi bangsa asing dalam bidang pembangunan ekonomi, andai kata ada ahli2 sharikat yang bersifat belot dan menjadi perosak sa-hingga menguchar-kachirkan perjalanan sharikat.

## MASAALAH

Menurut Dato Paduka Hj Judin lagi masaalah yang sukar di-atasi oleh bahagian pentadbiran sharikat ini sa-hingga melembabkan kemajuan yang hendak di-chapai ia-lah kerana di-antara-nya:

★Kebanyakan ahli2 saham sharikat ini sendiri tidak mahu langsong membeli di-sharikat-nya sendiri tetapi hasil keuntongan mahu di-terima tiap tahun.

★Sistem pembelian barang sa-chara berhutang oleh pelanggan2, sedangkan barang2 di-beli dari ajen2 ada-lah sa-chara tunai. Dengan demikian pusingan duit tidak menchukopi.

★Pelanggan2 yang berhutang banyak meninggalkan baki hutang-nya dan terdapat sa-bilangan-nya terus meninggalkan hutang2 mereka tersebut tanpa membayar langsong.

★Persaingan daripada kedai2 bangsa asing di-sekitar dan pertubohan kedai2 runchit perseorangan.

Sementara itu, Dr Serudin bin Dato Setiawan Hj Tinggal, sa-orang pakar dalam bidang pertanian ketika beruchap di-majlis itu telah memberi pendapat tentang puncha2 terjadi kemelesetan sa-sebuah sharikat.

## "SALAH HATI"

Kata-nya, ada di-kalangan ahli2 saham atau pemilek2 saham yang chepat tersinggong dan mudah 'salah hati' bila fikiran mereka tidak di-terima dalam mashuarat lantas merajok! Kemudian dengan senyap2 meninggalkan sharikat.

Kejadian salah hati ini, menurut beliau, boleh menimbulkan spekulasi yang meretakkan perhubongan sa-sama ahli. Kerana bila sudah selesai mashuarat berlaku-lah 'kelimut-mengelimut' yang menurut beliau hal ini mudah di-jadikan batu api untok merosakkan sharikat.

Dalam bersharikat, terutama bagi sharikat bumiputera Melayu, semangat persatuan yang tulin, jujor, amanah, bertanggong-jawab serta berkerjasama mesti-lah di-jadikan prinsip dalam sa-sebuah sharikat. Kerana dengan ada-nya sifat2 sa-umpama ini, baru-lah usaha untok mengukohkan kedudokan sharikat akan terjamin kerana ahli2-nya saling sa-ia dan sa-kata, jelas-nya.

Menyentoh tentang projek2 yang maseh giat di-sharikat Melayu Sengkurong kini, walau pun Pengarah Lembaga-nya sendiri mengatakan yang sharikat ini belum dapat berkembang dengan pesat tetapi ia-nya di-perchayai maseh mempunyai harapan untok memperbaiki nasib-nya di-suatu masa akan datang.

Mungkin dengan ahli2-nya yang maseh setia kapada sharikat ini akan lebeh dainamik dan bersatu padu untok membangun sharikat ini dengan lebeh 'effecient' dan bersistematik.

Kerana beberapa projek Sharikat Melayu Sengkurong ini saperti kedai runchit dan kedai gunting yang di-sewakan, kilang mengisar padi dan beberapa usaha2 lain andai kata projek2 ini dapat memberi khidmat yang baik kapada masharakat-nya. Kata-nya, perkembangan sharikat ini akan dapat di-ketengahkan di-suatu masa nanti sa-bagai sa-buah sharikat yang mempunyai semangat tulin dalam memperjuangkan kehendak2 masharakat-nya, betapa pun pada tingkat yang sederhana. Kerana kalau menurut peribahasa Melayu: "Berkait-kait ka-hulu, berenang2 ka-tepian, bersakit2 dahulu bersenang2 kemudian."

Di-samping itu, sharikat ini juga di-anjorkan supaya mempunyai prinsip: 'Di-mana ada kemahuan di-situ ada jalan'.

*'Bumiputera mesti mengubah sikap! kalau jua maseh 'berpelok tuboh', alamat bumiputera akan terus bergayut kapada ekonomi bangsa asing yang bermastautin di-negeri ini.*



DR Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal ketika beruchap di-Mashuarat Agong Sharikat Melayu Sengkurong baru2 ini. Dudok ia-lah Lembaga Pengarah Sharikat itu, Dato Paduka Haji Judin bin Asar.



INI ia-lah kedai runchit dan kedai gunting yang merupakan projek Sharikat Melayu Sengkurong (atas), sementara gambar bawah ia-lah kilang mengisar padi kepunyaan SMS yang memberi khidmat kapada pendudok di-kawasan Kampong Sengkurong.



## Peraduan membacha Jawi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan akan menganjorkan peraduan membacha jawi. Peraduan ini ada-lah terbuka kapada semua kanak2 yang berumor 12 tahun kebawah.

Dari itu semua kanak-kanak yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah mendapatkan butir2 lanjut dan borang peraduan dari Perpustakaan Kanak2, sa-tiap perhentian2 perpustakaan bergerak dan semua Perpustakaan Chawangan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Tarikh tutop bagi penerimaan borang penyertaan ia-lah 8hb Jun, 1981 jam 3.00 petang.

# SHARIKAT K-SAMA SA-BAGAI TITIAN PERPADUAN MASHARAKAT KAMPONG

LABI. — Perselisehan faham dalam masharakat biasa-nya timbul akibat putus hubongan antara sa-orang anggota masharakat dengan anggota yang lain, atau anggota2 masharakat itu telah berpuak-puak dan ingin menegakkan kepentingan masing-masing.

Perkara itu telah ditimbulkan oleh Awang Mahmud Haji Bkyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama samasa merasmikan Mashuarat Agong Sharikat Kerjasama Peladang Kampong Rampayoh pada 10hb Mei lalu. Mashuarat itu telah di-langsongkan di-rumah Ketua Kampong Labi 11, Awang Kiprawi Kalau.

Turut memberi uchapan dalam majlis itu ialah Awang Matdanan Haji Ja'afar, Timbalan Pengarah Perikanan.

### CHONTOH

Pemangku Pesurohjaya telah memberi satu chontoh di-mana perselisehan faham dapat di-elakkan sekira-nya anak2 kampong bekerjasama dalam satu-satu usaha yang berkebajikan. Sa-masa kerja2 perengkat awal kolam ikan di-mulakan, perselisehan faham telah terjadi dengan pemilek2 tanah di-mana sa-batang jalan menuju ka-kolam ikan telah di-buat di-sepanjang sempadan tanah mereka oleh pekerja2 JKR.

"Hutan yang dulu-nya tidak terbuka sekarang sudah mendapat kemudahan sa-batang jalan. Hasrat baik dan murni yang hendak di-kembangkan oleh sharikat kerjasama patut-lah di-fahami oleh anak2 kampong demi memupok perpaduan serta melahirkan rasa persefahaman di-kalangan mereka," tegas beliau.

Pemangku Pesurohjaya itu menambah, salah faham yang dapat memechah-belahkan yunit bermasharakat dapat di-atasi dalam sharikat kerjasama kerana di-dalam-nya terdapat satu unsor penting untok mengukohkan perpaduan masharakat.

"Dalam sharikat kerjasama sa-tiap usaha yang hendak di-jalankan mesti-lah di-rundingkan terlebeh dahulu, dan apabila mendapat kata sa-pakat ahli ada-lah terikat kapada segala yang di-putuskan dalam perundingan."

## Sharikat K-sama Rampayoh usahakan projek kolam ikan

RAMPAYOH — Sa-buah kolam pembiakan ikan ayer tawar sa-luas satu ekar telah di-rasmikan minggu lalu 10hb Mei di-Kampong Rampayoh. Projek yang julong2 kali di-usahakan oleh sa-buah sharikat kerjasama itu ada-lah dengan bantuan Jabatan Perikanan untok mempopularkan pembiakan ikan ayer tawar di-negeri ini.

### ANAK IKAN

Pembubohan anak2 ikan ka-dalam kolam tersebut telah di-lakukan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, dan Awang Kiprawi bin Kalau, Ketua Kampong Labi 11. Turut hadhir dalam upachara ringkas itu ada-lah Awang Matdanan Haji Ja'afar, Timbalan Pengarah Perikanan.

Kolam ikan itu di-jangka dapat menghasilkan ikan untok pasaran dalam tempoh enam bulan. Jika projek itu berjaya terdapat sembilan ekar tanah lagi dalam kawasan yang sama yang di-peruntokkan untok di-usahakan.

Terdahulu dari itu dalam uchapan-nya sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Sharikat, Pemangku Pesurohjaya telah mengingatkan ahli2 Sharikat Kerjasama Peladang Kampong Rampayoh bahawa kejayaan projek itu akan banyak bergantong kapada sikap semua ahli sharikat terhadap-nya.

"Projek ini ada-lah dilaksanakan atas dasar kerjasama, bukan-nya di-usahakan oleh orang perseorangan. Maju mundornya projek ini ada-lah bergantong sa-takat mana sa-tiap ahli sharikat amanah kapada diri-nya untok mematohi dasar bekerjasama itu."

### PENGHARGAAN

Pemangku Pesurohjaya seterus-nya menyampaikan sa-tinggi2 penghargaan kapada beberapa Jabatan Kerjasama saperti Jabatan Perikanan, Jabatan Tanah, Jabatan Pertanian, Jabatan Ukor, Pejabat Daerah Belait, dan Jabatan Kerja Raya yang telah memberikan kerjasama erat ka-atas projek tersebut.

"Khidmat tindak-balas dari ahli2 sharikat ada-lah di-pinta dari sekarang dan mereka tidak boleh menoleh ka-belakang untok menimang-nimang rasa ragu terhadap projek ini. Projek ini sudah dimulakan dan ia hendaklah terus di-usahakan sahingga berjaya," tegas beliau.



DAYANG Paz A De Leon, ketika mengendalikan kursus tersebut

## Kursus Kerani Sulit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 16 orang peserta dari berbagai jabatan kerajaan telah mengikuti kursus Kerani Sulit bertempat di-Pusat Latehan Perjawatan. Kursus empat hari itu berakhir pada hari Khamis 14hb Mei.

Kursus itu di-anjorkan oleh Bahagian Yunit Latehan Perjawatan ada-lah bertujuan bagi membentangkan peranan Kerani Sulit dalam perkhidmatan Kerajaan dengan memberikan kebolehan mereka dalam pentadbiran harian.

Sa-orang pencheramah khas dari Filipina, Dayang Paz A De Leon telah diundang untok mengendalikan kursus tersebut. Salain dari itu pencheramah tempatan juga di-undang, antara-nya ia-lah Awg Abas bin Hj Seruddin, Penasihat Undang2 Kanan dan juga pegawai2 kerajaan yang lain.

Sementara itu satu perjumpaan untok Setiausaha Sulit juga telah di-adakan pada hari Sabtu lalu, dan seterus-nya penyampaian sijil kapada peserta2 kursus Kerani Sulit.

## Dua lagi Sharikat kerjasama di-daftarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua buah lagi sharikat kerjasama telah di-daftarkan di-bawah Undang2 Sharikat Kerjasama, 1975. Sejak bulan Januari tahun ini sabanyak lima buah sharikat kerjasama telah di-daftarkan ia-itu empat di-Daerah Brunei-Muara dan satu di-Daerah Belait.

Sharikat2 kerjasama yang baru di-daftarkan itu ada-lah Sharikat Kerjasama Pekerja2 Pembekalan Bakau (PEMBAKAU) Kampong Setia, dan Sharikat Kerjasama Peladang Mukim Bukit Sawat.

Sementara itu dua buah lagi sharikat kerjasama di-jangka akan di-daftarkan ia-itu satu di-Daerah Brunei-Muara dan satu lagi di-Daerah Tutong.

### MASHUARAT

Pada 5hb Mei lalu pegawai2 dan kakitangan Jabatan Pelabohan2 Brunei telah mengadakan mashuarat dan bersetuju untok menubohkan sa-buah sharikat kerjasama untok jabatan tersebut. Sharikat itu akan mengendalikan sa-buah kantin bagi kemudahan2 jabatan dan juga pekerja2 pelabohan.

Tujuan untok mengendalikan sa-buah kantin juga telah di-binchangkan pada 9hb Mei lalu oleh pegawai2 dan kakitangan beberapa buah jabatan yang terdapat di-Bangunan Pejabat Daerah Tutong. Pada dasarnya penubohan sa-buah sharikat kerjasama telah di-persetujui dan tarikh Mashuarat Agong penubohan akan di-tetapkan kemudian.

## Tambatan BSB di-tutop

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-bahagian besar dari tambatan Pelabohan Bandar Seri Begawan telah di-tutop kapada perkapalan dan penerimaan kargo mulai hari Ahad 17hb Mei hingga 31hb Mei 1981 malam bagi melaksanakan kerja2 yang tertentu ka-atas tambatan tersebut.

Pemangku Pengawal Pelabohan2 Brunei, Awang Hassan bin Yusof meminta semua kargo terutama sekali kereta2 atau apa juga jenis2 kenderaan kepunyaan awam hendak-lah tidak di-letakkan di-tambatan tersebut.

## Kempen menchegah kolera bagi sekolah2 dan kampong2

**DAERAH TUTONG**

| | |
|---|---|
| 21.5.81 | Sekolah Melayu Keriam dan Anex |
| | Sekolah Melayu Penanjong |
| 23.3.81 | Sekolah Melayu Muda Hashim |
| 25.5.81 | Sekolah Melayu Menengah Muda Hashim |
| 27.5.81 | Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah |
| 28.5.81 | Sekolah Chung Hwa, Tutong |
| 30.5.81 | Sekolah Chung Hwa, Kiudang |
| | Sinaut Agriculture Centre, Sinaut |

**DAERAH BRUNEI-MUARA**

| | |
|---|---|
| 21.5.81 | Sekolah Melayu Laila Menchanai dan Anex |
| | Sekolah Melayu Kg Setia Pehin Jamil dan Anex |
| | Sekolah R. P. Pg Anak Puteri Besar dan Anex (Kampong Perambu) |
| 21.5.81 | Sekolah Melayu Putat |
| | Sekolah Melayu Baru2 |
| | Sekolah Melayu Batu Marang |
| | Sekolah Melayu Berbunut |
| | Sekolah Melayu Menunggul |
| | Sekolah Melayu Pudak |

| Tarikh | Tempat Di-rawat | Untok Menyuntek Pendudok |
|---|---|---|
| 23.5.81 | Kg Saba Darat 'A' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Saba Darat 'B' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Saba Laut | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Saba Tengah | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Saba Ujong | Di-Rumah Pg Haji Taha |
| | Balai Pulis Kg Ayer | Balai Pulis Kg Ayer |
| | Kg Pekilong Muara | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sungai Pandan 'A' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sungai Pandan 'B' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| 25.5.81 | Kg Pandai Besi 'A' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pandai Besi 'B' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Kuala Peminyak | Rumah Pg Haji Tajuddin |
| | Kg Ujong Tanjong | Rumah Seri Wangsa |
| | Kg Pg Setia Negara | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Lurong Dalam | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sungai Kebun | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Setia Pahlawan | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Bakut Berumput | Di-Rumah Ketua Kampong |
| 26.5.81 | Kg Peramu | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pg Siraja Muda 'A' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pg Siraja Muda 'B' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pekan Lama | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Tamoi Ujong | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Tamoi Tengah | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Ujong Bukit | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Limbongan | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pg Bendahara Lama | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Bukit Salat | Di-Rumah Ketua Kampong |
| 27.5.81 | Kg Kerma Indra Lama | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Setia | Di-Rumah Penghulu/Ketua Kampong |
| | Kg Burong Pinggai Ayer | Di-Rumah Penghulu/Ketua Kampong |
| | Kg Pemancha Lama | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sultan Lama | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sungai Kedayan 'A' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Sungai Kedayan 'B' | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Buang Tekurok | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Lupak Duas | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Tarap Bau | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pg Tajuddin Hitam | Di-Rumah Ketua Kampong |
| 28.5.81 | Kg Batu Marang | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pulau Berbunut | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Pulau Baru2 | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Junjongan | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Lumapas | Di-Rumah Ketua Kampong (Haji Abas) |
| | Kg Kasat | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Wasan | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Masin | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Mulaut | Di-Rumah Ketua Kampong |

**DAERAH TEMBURONG**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21.5.81 | Kg Sumabat | 8–10 | Rumah Panjang |
| | Kg Sumabat Bhg Mualat | 10–12 | Rumah Ketua Rumah Haji Salleh Abdullah |
| | Kg Tamada | 2–4 | Rumah Panjang |
| | Kg Lagau | | |
| | Kg Belingus | | Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Belaban | 8–4 | Awg Badas Hj Kamarudin |
| | Kg Sibulu | | |
| | Kg Selangan | | |
| 23.5.81 | Kg Tg Bugar | 8–12 | Di-Rumah Ketua Rumah Awg Migan A Bagong |
| | Kg Batu Apoi | 2–4 | Balai Raya Batu Apoi |
| | Kg Nagalang | 8–12 | Di-Rumah Ketua Rumah |
| | Kg Lakiun | 2–4 | Di-Rumah Penghulu Ag Tuah bin Tali |
| 25.5.81 | Kg Buda-Buda | 8–12 | Di-Rumah Ketua Kampong Haji Momin Haji Ajak |
| | Kg Belais | 2–4 | Balai Raya Kg Belais |
| | Kg Amo 'A' | 8–12 | Balai Raya |
| | Kg Amo 'B' | | |
| | Kg Sibut | 2–4 | Rumah Ketua Kampong Mosbi Abdullah |
| 27.5.81 | Kg Sumbiling | 8–10 | Rumah Panjang |
| | Kg Batang Duri | 10–12 | Rumah Panjang |
| | Kg Parit Biang | 2–4 | Rumah Ketua Rumah Awg Buga A Duat |
| | Kg Piasau2 | 8–10 | Balai Raya |
| | Kg Labu Estate | 10–12 | Balai Raya |
| | Kg Senukoh | 2–4 | Balai Raya |





AWANG Mohd Dennis menyampaikan Perisai Kejohanan kapada Pasokan Kadet Maktab SOAS (atas), sementara gambar kiri kelihatan pasokan kadet Maktab SOAS yang menjadi johan keselurohan peraduan tersebut.

# KADET MAKTAB S.O.A.S. JUARA PERADUAN KAWAD

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Pertubohan2 saperti pertubohan kadet2 sekolah ada-lah merupakan kumpolan yang mendatangkan munafaat dan berguna bagi pembentokkan karikter, mempunyai baiki disiplin, mempunyai keperibadian yang tinggi serta mempunyai semangat bertanggong-jawab.

Kerana memandangkan hakikat kepentingan peranan disiplin ini dalam proses pendidekan, maka pehak Jabatan Pelajaran sentiasa menyambut baik atas usaha2 dan bantuan2 AMDB dalam apa jua latehan menuju matalamat tersebut.

Demikian telah di-tegaskan oleh Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Mohd Dennis bin Haji Roslee dalam uchapannya di-peraduan Kawad Pasokan Kadet AMDB Perengkat Negeri yang telah berlangsong di-padang kawad Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat, 15hb Mei lepas.

## BERHARGA

"Apa yang sepatut-nya di-chapai pada hari ini, bukan sahaja dari segi kemegahan untok pasokan yang menang dalam peraduan kawad ini bahkan dari segi penchapaian yang lebeh berharga dan kekal, ia-itu sifat boleh mengawal diri sendiri atau self-discipline," jelas beliau.

Kerana, tambah Awang Mohd Dennis lagi untok menchapai standard kejituan atau precision yang tinggi dalam kawad memerlukan dedikasi, attitude yang positif dan yang paling penting sekali ia-lah disiplin.

Dengan menyertai pertubohan saperti pertubohan kadet yang mementingkan disiplin yang tinggi sedikit sa-banyak akan dapat mengurangkan masa-alah2 yang semakin membimbangkan di-berbagai-bagai perengkat masharakat samada di-sekolah2, industri2, di-gelanggang sokan dan lain2 yang mana sumber utama perkara2 ini berlaku di-sebabkan kepinchangan disipli kata beliau lagi.

Peraduan kawad pada hari itu telah di-ambil bahagian oleh empat pasokan kadet ke-empat daerah.

## JUARA

Pasokan kadet Maktab SOAS wakil dari Daerah Brunei Muara menjadi juara keselurohan peraduan tersebut, kedua Sekolah Melayu Sultan Hassan, Temburong, ketiga Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait dan ke-empat Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong.

Turut hadhir menyaksikan peraduan itu ia-lah Pemerentah Pasokan AMDB Brigadier E.D. Cameron. Timbalan Pemerentah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Lt. Kol. Datu Paduka Hj Abd Aziz, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama YDM POK Laila Perkasa Lt. KOL. Dato Paduka Haji Mahdini serta pegawai kanan AMDB yang lain.

# 29 orang rekrut lagi tamat latehan

JALAN MUARA. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi 29 orang rekrut lelaki akan di-langsongkan pada hari Sabtu, 30hb Mei, 1981 bertempat di-Padang Kawat Pusat Latehan Pulis di-sini mulai jam 7.45 pagi.

Penguasa Kanan Polis Diraja Brunei, Dato Alias bin Sh Ahmad di-jangka akan memereksa perbarisan tersebut dan sa-terusnya di-peraduan Kawad diah2 kapada rekrut2 terbaik.

Bagi menyerikan lagi upachara itu kira2 200 orang anggota pulis Diraja Brunei akan turut mengambil bahagian.

# Anggota2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Sembilan orang anggota dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei kini sedang mengikuti kursus penempatan sa-lama empat hari di-Perkhidmatan Pembayaran di-Command Paymaster Headquarters, Tentera British di-Hongkong.

Mengikuti kursus tersebut ia-lah Major G A Fyfe, 126 Lt Sulaiman bin Ahmad, WO1 P Devlin, 3857 WO2 Yusof bin Jumat, dan 3322 WO2 Hj Othman bin Hj Idris dari Kompeni RHQ, 3007 WO2 Mohammad bin Aspar dan 4076 SSgt Hj Sulaiman bin Hj Shamsudin dari Battalion Pertama, 4809 SSgt Awg Hj Besar bin Hj Shamsudin dari Pusat Latehan dan 3449 WO2 Hj Abd Rahman bin Hj Shamsudin dari Angkatan Laut.

Kursus yang telah bermula pada hari Isnin lalu akan berakhir esok, 21hb Mei.

Pasokan tersebut juga akan menghantar dua orang anggota dari Chawangan Udara, bagi mengikuti kursus Avionics



Kpl. Kadir bin Sairan.

sa-lama dua minggu bertempat di-Baden, Jerman Barat.

Menghadhiri kursus yang akan bermula pada 2hb Jun depan ia-lah Sgt Moore dan Sgt Arnell.

Bertolak ka-United Kingdom pada 25hb Mei ia-lah 5292 Kpl Kadir bin Sairan dari Battalion Pertama, 4511 Kpl Awang Omar bin Matzin dari Squadron Jurutera Pengempor dan 6384 LKpl Abu Zar bin Abu Talip dari Chawangan Udara.

Mereka akan mengikuti kursus No. 44 Bahasa Inggeris sa-lama kira2 lima bulan, bermula pada 27hb Mei ini di-Army School of Languages, Beaconsfield.

Sementara itu, 6040 Perajurit Bohari bin Raga dari Bengkel Pasokan, akan berlepas ka-Singapura pada 30hb Mei depan untok menghadhiri kursus sa-lama enam minggu Vehicle Electrician NCO Kelas II di-SAF Ordnance School, Kem Ayer Rajah III, Republik Singapura.

Juga akan berlepas ka-Republik Singapura akhir Mei ini ia-lah lapan orang Kadet Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang akan mengikuti kursus Outward Bound salama lima hari di-Sekolah Outward Bound, Pulau Ubin.

# Anggota2 Pulis tinjau Perkemahan Bolkiah

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Pusat latehan Tentera di-Perkhemahan Bolkiah, baru2 ini telah mendapat kunjongan dari sa-ramai 34 orang anggota Pulis, yang kini sedang menjalani kursus Ulangkaji di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara.

Rombongan itu telah di-iringi oleh Lt. Johar, saorang pegawai dari Perkhemahan Bolkiah, bagi melawat Muzium Pasokan untok mengetahui sejarah penubohan Bolkiah, perkembangan serta kegiatan di-seluroh chawangan pasokan dalam tugas mengawal negara.

## TAKLIMAT

Sa-lain dari itu, rombongan juga telah di-bawa melawat ka-Chawangan Semboyan, dan telah mendengar taklimat dari Kpl Ahim, Jurulateh Bahagian Semboyan. Pelawat2 itu di-perlihatkan dengan tunjok chara mengenai penggunaan radio dan *morse* dalam perhubongan, dan pengendalian kursus menaip dengan menggunakan mesin *Sight* dan *Sound*.

Lawatan tersebut, menurut Sgt 438 Abd Karim bin Haji Menudin, ada-lah bertujuan untok merapatkan hubongan antara Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei dan untok mengetahui selok belok pasokan dan kegiatan-nya.

Minggu lalu, satu lagi rombongan yang mengandongi sa-ramai 31 orang penuntut Tingkatan Tiga dan tiga orang guru dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-beberapa chawangan tentera di-Perkhemahan Bolkiah dan Angkatan Laut di-Muara.

Antara tempat2 yang mereka kunjongi termasok-lah Muzium Pasokan, Chawangan Semboyan dan Bengkel Pasokan di-Perkhemahan Bolkiah. Mereka juga telah menyaksikan pertunjokan alat2 persenjataan, peluru dan alat2 pertukangan yang di-tunjokan oleh Battalion Pertama pasokan tersebut. Di-Range 25 meter, mereka telah di-perlihatkan dengan chara2 membedil.

## CHAWANGAN UDARA

Sementara itu, Chawangan Udara di-Perkhemahan Berakas juga telah menerima kunjongan dari sa-ramai 9 orang Pegawai Pulis dan mata2 dari Perengkat Rendah. Dalam lawatan tersebut, rombongan itu telah mendengar taklimat dari OIC Major Jocklin mengenai penubohan, peranan dan susunan pentadbiran Chawagan Udara.

Anggota Pulis itu telah menyaksikan chara2 latehan itu di-kendalikan dan persediaan2 yang harus di-lakukan. Penerangan2 telah di-sampaikan oleh Jurulateh, Sgt Agan.



ANGGOTA2 Pulis sedang di-bawa ka-salah satu bahagian di-Perkhemahan Bolkiah.

# intisari RTB minggu ini



'UJI-LAH Bahasa Kita' kini memasokki minggu yang ke-empat, dalam minggu ini akan di-ambil bahagian oleh sekolah2 menengah bawah ia-itu Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

## RANCHANGAN2 RADIO PILEHAN AWDA

BAHAGIAN Melayu Radio Talivishen Brunei ingin mengetahui pendapat AWDA mengenai dengan ranchangan2 Radio yang kami siarkan sa-tiap hari. Sila berikan pendapat Awda atas ranchangan2 yang di-senaraikan.

Ranchangan2 yang Awda sukai sekali tulis-lah nombor satu pada kotak2 yang di-sediakan. Demikian juga ranchangan2 yang mendapat tempat kedua di-hati Awda tulis-lah nombor dua dan begitu-lah seterus-nya.

Potong-lah borang ini saperti yang di-kehendaki, dan tulis-lah nama, jantina dan umor Awda yang sa-benar-nya di-tempat yang telah di-sediakan. Semua nama samaran tidak akan di-layan.

Hantar-lah borang jawapan awda kapada :

Pengelola Kanan,
Bahagian Melayu,
Tingkat Lima
Jabatan Radio Talivishen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

............................ potong di-sini ............................

BAHAGIAN MELAYU
(RADIO TALIVISHEN BRUNEI)
RANCHANGAN2 PILEHAN AWDA

Nama : ..................................................................

Jantina : ..................................................................

Umor : 5–15 ☐ 16–20 ☐ 21–30 ☐ 31 ka-atas.

**DRAMA/CHERITA :**

- Sandiwara Radio ☐
- Chitrawara ☐
- Drama Masharakat ☐
- Cherpen dan Salokan ☐
- Chitra Irama ☐
- Ruangan Ketani ☐
- Langgam Suara ☐

**UGAMA :**

- Sinaran Wahyu ☐
- Tafsir Al-Kor'an ☐
- Siri Mukkaddam ☐
- Majallah Ugama ☐
- Soal Jawab Ugama ☐
- Bimbingan Al-Kor'an ☐
- Hidayat ☐
- Bachaan Al-Kor'an ☐
- Suntingan Khutbah ☐

**HIBORAN DAN POPULAR MUSIK :**

- Pancharagam Tempatan ☐
- Gambus ☐
- Persembahan-ku ☐
- Senandong Kanak-kanak ☐
- Bingkisan Tanah Ayer ☐
- Mutiara Asli ☐
- Puspa Irama ☐
- Dendang Suria ☐
- Apa Pilehan Awda ☐
- Lagu2 Permintaan ☐
- Tetamu Minggu Ini ☐
- Kenangan Mengusik Jiwa ☐
- Pop Minggu Ini ☐
- Rampai Sari ☐

**GENERAL APPEAL**

- Majallah Radio ☐
- Komintar Radio ☐
- Untok Para Tani ☐
- Sharikat Kerjasama ☐
- Fokus ☐
- Doktor Radio ☐
- Dunia Wanita ☐
- Suara Perajurit ☐
- Uji-lah Bahasa Kita ☐
- Dari Kampong Ka-Kampong ☐
- Sokan dan Olahraga ☐
- Taman Mekar ☐
- Pelajaran Dewasa Di-Udara ☐
- Untok Belia ☐
- Bertutor Bahasa Inggeris ☐
- Soalan Di-Udara ☐
- Varia Peristiwa ☐
- Apa Pendapat Awda ☐
- Mari Berpantun ☐
- Rimba Raya ☐
- Titian Budaya ☐



JACLYN Smith salah sa-orang dari tiga jelitawan dalam siri 'Charlie's Angels'.

## *BINTANG KECHIL 1981*

SA-RAMAI 20 orang chalun yang mewakili Daerah2 Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong telah di-pileh untok memasoki pertandingan perengkat sa-paroh akhir Bintang Kechil 1981 yang akan di-adakan di-Dewan Raya RTB, pada 24hb Mei, 1981 bermula jam 2.00 petang. Mereka telah di-pileh sa-telah di-adakan pertandingan perengkat daerah masing2 baru2 ini.

Chalun2 tersebut lapan orang dari Daerah Brunei-Muara, empat orang dari Daerah Belait, empat orang dari Daerah Tutong dan empat orang dari Daerah Temburong.

Chalun2 dari Daerah Brunei-Muara ia-lah Dayang Lailawati bte POKLW Dato Paduka Haji Mohd Salleh, Ak Alizulrani bin Pg Haji Salim, Dk Rafidah bte Pg Ibrahim, Ak Sofian bin Pg Anak Hashim, Dayang Zuraina bte Abd Rahman, Dayang Tizan bte Jamuddin, Dk Rosdinah bte Pg Mohiddin dan Dayang Siti Zuraidah bte Haji Abdul Wahab.

Chalun2 dari Daerah Belait Awang Khairur Rizal Ramli, Dy Norhodayati bte Mohd Sah, Dy Suriani bte Julaih, Ak Shahminan bin Pg Ali.

Chalun2 dari Daerah Tutong Awg Erwan bin Mohd Sa... (Johan tahun 1980), Dy Ha...rinah bte Jamal, Dy Rosma... bte Abd Rashid dan Awg K...merul Ariffin bin Abd Rahman.

Chalun2 dari Daerah Temburong, ia-lah Dy Masa... bte Galawat, Dy Nordaya... Ali, Dy Noridah bte Kadi... dan Dy Sofiah bte Osman.

Dari 20 orang chalun tersebut, sa-ramai 10 orang chalun akan di-pileh untok memasokki pertandingan akhir perengkat sa-negeri yang akan di-adakan dan di-siarkan sa-chara langsong oleh Radio dan Talivishen Brunei, dari Dewan Raya RTB, pada 20hb Jun, 1981.

Kapada chalun2 yang telah terpileh untok memasokki ke pertandingan perengkat sa-paroh akhir kami uchapkan shabbas dan selamat bertanding dan kapada chalun yang kurang bernasib baik jangan-lah berputus asa dan chuba-lah lagi di-tahun hadapan.

# RANCHANGAN TVP DARI 25HB HINGGA 31HB MEI

### ISNIN — 25HB MEI

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 14
Siri ini mengajar chara2 menyebut bulan Julai hingga Disember dan di-isi-kan sa-buah lagu mengenai bulan2 Januari hingga Disember.
Di-Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan2 yang bermula dengan huruf 'N'. Ranchangan di-akhiri dengan sa-buah cherita mengenai tiga orang budak nakal.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 5 (Burong)
Dalam ranchangan ini murid2 di-bawa mengenal beberapa jenis burong. Burong2 boleh di-kenal dengan sifat2-nya saperti : —
1. Mempunyai bulu di-seluroh badan.
2. Bertelor.
3. Bernafas dengan paru-paru.
4. Mempunyai paroh.
5. Berdarah panas.
Burong helang mempunyai paroh yang tajam serta bengkok. Apa-kah kegunaan paroh yang tajam ini ?
Untok mengetahui-nya ikuti-lah nanti di-ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 353.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, LUKISAN DARI RUMAH, AMINAH, KAJIAN SEMULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan KAJIAN SEMULA JADI Chegu Rokiah akan menunjokkan dan bercherita darihal buloh dan kegunaan-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 353.

### SELASA — 26HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 14

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5 (Burong)

10.30 KAP KAP UDANG 354.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, KERJA TANGAN, SI-MANIS, RUANGAN BERLAKUN, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.
Untok ruangan KERJA TANGAN, Che'gu Rokiah akan membuat laba-laba.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 354.

### RABU — 27HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 14

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5 (Burong)

10.30 KAP KAP UDANG 355.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMIN, MAIN BOLA, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.
Hari ini AMIN akan pergi menangkap rama-rama.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 355.

### KHAMIS — 28HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 356.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PETI SURAT, AMINAH, BERSENAM, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 356.

### JUMAAT — 29HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan SIRI PERMULAAN, Che'gu Rokiah akan bercherita dan menunjokkan berjenis2 roda.

### SABTU — 30HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 357.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KERU..., YANG MANA GANJIL, AMIN, KETUA KESELAMATAN, MAIN BA... dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 357.

### AHAD — 31HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUSIK, SI-MANIS, BELON SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHEMIN SAKTI.
Ruangan mengajar Che'gu Rokiah mengajar angka 1-5.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

### RABU — 20HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS : "Island of Monkeys"
5.30 JOSIE AND THE PUSSYCATS IN OUTER SPACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY — "Putting The Ork Back In Mork" Bhg. 2.
6.30 SAPPHIRE AND STEEL (Siri baru)
6.32 AZAN MAGHRIB
6.39 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "The Mark of Cain" J.R. dalam perangkap Leslie Stewart.
7.44 AZAN ISHA
7.48 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 CONCRETE COWBOYS — 'Eldorado' Bahagian pertama.
9.50 53RD ANNUAL ACADEMY AWARDS.
11.30 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 21HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.28 MYSTERIOUS WORLD
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MACKENZIES OF WONDERLAND COVE — Bhg 2.
7.45 AZAN ISHA
7.49 THE MACKENZIES OF WONDERLAND COVE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THREE'S COMPANY — "Strange Bedfellows"
10.10 THE OMEGA FACTOR — "Out of Body Out of Mind" Walau pun sudah keluar dari rumah sakit, tetapi Michael selalu bermimpi yang tidak senonoh.
11.00 GREAT WESTERN THEATRE
12.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 22HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL — "Escape and Capture"
5.30 SUPER GLOBE TROTTERS (Siri baru)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS : "I'm So Ugly"
6.30 THE MUPPETS Tetamu : Wally Borg
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MARIE OSMON SHOW
7.45 AZAN ISHA
7.49 MARIE OSMOND SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 BINTANG UNDANGAN
9.20 SOAP — Ep. 22
9.50 BIG LEAGUE SOCCER
10.40 QUINCY : "Honor Thy Elders"
11.30 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 23HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.28 BEWITCHED — "Laugh, Clown, Laugh"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM
7.45 AZAN ISHA
7.49 MAGNUM — sambongan
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 INI-LAH LAGU KU
9.30 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA — "Si Bagong Mujur" Pelakun2 : Fifi Young, Han Tjeng Bok, Hasanudin R., Slamet Harta.
11.20 HAMMER HOUSE OF HORROR — "The House that Bled to Death" Rumah itu sudah burok dan sekian lama tidak di-diami. Kapada penghuni2 baru-nya . . . . rumah itu mengerikan.
12.10 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 24HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES — 'The Big Catch'
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.45 AZAN ISHA
7.49 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 THE BOSOM BUDDIES
9.10 AASC — Perengkat akhir "Seoul"
9.45 RUNNING BLIND — Episod terakhir)
10.40 BIG VALLEY
11.25 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 25HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SUPER SEVEN
5.35 ANIMAL WORLD : "Elephants of India
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN — "The Mask of Rona"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 TARZAN — sambongan



DIANEL Travanti memegang watak sa-bagai Captain Furillo dalam siri 'Hill Street Blues', satu drama pulis yang di-tayangkan pada tiap2 hari Isnin jam 10.40 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Stuntwomen Angels"
7.45 AZAN ISHA
7.49 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 A TOWN LIKE ALICE : Episod pertama : Tentera Jepun menyerang Malaya. Sakumpolan Wanita2 dan kanak2 Inggeris di-tawan dan seterus-nya menjalani hukuman.
9.50 WHICKERS WORLD
10.40 HILL STREET BLUES : "Life, Death, Eternity, Etcetra" Kematian dan pertelingkahan di-antara kaki-tangan ada-lah beberapa problem Captain Furillo sedangkan dia sendiri menghadapi satu penyiasatan politik yang boleh merosakan kareernya.
11.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 26HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH "Madam Suzie"
5.15 HANDFUL OF SONGS
5.30 AQUAMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT — "Time Bomb"
7.46 AZAN ISHA
7.50 240 ROBERT — sambongan
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 ARENA SOKAN
9.10 MOVIE "The Survival of Dana" Pelakun2 : Melissa Sue Anderson, Robert Carradine, Marion Ross, Talia Balsam.
11.10 THE ASSOCIATES — "Is Romance Dead?"
11.40 SIARAN TAMAT.



KESAH chinta berlatar-belakangkan Malaya dalam perang dunia kedua. Siri mengandongi enam episod ini bermula Isnin depan.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## Mulai dari 20hb. hingga 26hb. Mei 1981

### RABU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Rimba Raya; 8.45 — Permintaan Pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 —Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Taman Mekar (su); 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (su). **T/HARI** : 12.00 — Rampaian Tengah Hari — Azan Fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. **PETANG** : 1.00 — Majallah Radio (su); 1.30 Persembaran Ku; 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Senandong Kanak-Kanak; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Siri Mukkaddam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok Belia; 9.00 — Serbanika Persembahan; 9.30 — Chitra Irama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Ruangan ketani (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai. **T/HARI** : 12.00 — Ira kenchana/Puspa irama — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitrawara (su); 1.30 — Majallah radio (su). **PETANG** : Siaran berhenti rehat. 5.03 — Majallah Ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasihat; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu magrib. **MALAM** : Bachaan surah yassin/Tahlil/Irama dawkah; 7.30 — Bimbingan Al-Koran — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun/Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan — dendang suria — menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris — dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (su); 1.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Uji-lah bahasa awda; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (su); 11.30 — Drama masharakat. **T/HARI** : 12.00 — Lagu dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah/Lagu2 Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Rampaian dakwah/hiboran gazal. **PETANG** : 2.13—Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa 2.30 — Ruangan ketani (su); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus radio — Azan fardhu asar; 4.00 — Tunas pendidek (su); 4.30 — Langgam suara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Ira kenchana/puspa irama (su); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Cherpen dan selokan-nya (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Bintang kechil/petikan dari filem (su); 9.30 — Majallah ugama/petikan soal jawab Ugama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Focus radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Hiboran; 9.30 — Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Rampai sari; 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran (su). **T/HARI** : 12.00 — Tetamu minggu ini (su) — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Majallah radio (su); 1.30 — Lagu2 dari filem; 1.45 — Rimba raya; **PETANG** : 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — menunaikan sembahyang farduh maghrib. **MALAM** : Rampaian dakwah/hiboran gazal; 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Langgam suara (su); 9.00 — Kenangan mengusik jiwa; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45 — Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan — dendang suria; 8.15 — Mempelajarai Bahasa Inggeris; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. **T/HARI** : 12.00 — Sandiwara radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.32— Rampaian tengah hari; 12.45 1.00 — Permintaan dua station. **PETANG** : 2.00 — Membachakan susunan ranchangan; 20.02 — Bintang kechil/petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun — Azan fardhu asar; 3.45 — Chitrawara; 4.30 — Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Sharikat kerjasama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : Persembahan ku (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita— berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara parajurit; 9.30 — Permintaan lagu2 lama (60an); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatka

### ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Serbanika Hiboran (su); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Permintaan suka ramai. **T/HARI** : Komentar radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 Rampaian joget; 12.33 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Majallah radio (su); 1.30 — Bingkisan tanah ayer. **PETANG** : 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 asli; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — menunaikan sembahyang maghrib. **MALAM** : 7.00 — Sharikat Kerjasama (su); 7.30 — Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian (su); 9.30 — Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Bertutor Bahasa Inggeris — dendang suria; 8.30 — Suara parajurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Autograph pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita (su); 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah tangga; 11.45 — Doctor radio (su). **T/HARI** : 12.00 — Hiboran tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku Sampaikan Salam. **PETANG** : 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama senja; 6.00 — Siri mukkaddam — Bingkisan hari ini — menunaikan sambahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Album penyanyi (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pancharagam tempatan; 9.00 — Drama masharakat (su); 9.30 — Uji-lah bahasa awda (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Korkan — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## From 20th to 26th May 1981

### WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close isg Announcement — Mozart. Serenata Notterna Dvorak : New World Symphony; 8.45 — Indian Classical Music; 9.15 — News; 9.30 — Musical Miscellany — Chopin — Nocturnes op 62 No. 2 and op 71 No. 1 Bach : Harpsichord music Leider, sung by Fritz Wenderlich; 10.00 — Close Down.

### THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — The Big Band Sound; 9.15 — News; 9.30 — The New Swingle Singers — Prog 1; 10.00 — Close Down.

### FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined prog 50 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. **NOON** : 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

### SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Hits In Germany; 8.45 — Two Away For No; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

### SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — We care for you by Idris Ali; 11.15 — BBC Beautiful Music; 11.30 — World of Books (repeat). **NOON** : 12.00 — Two Away For No. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Top of the Pops; 1.30 — Close Down. **Tajul's Student Night** 8.00 — Opening Announcement—Tell a Tale Competition produced by Veronica Shim; 8.15 — School Band On Parade; 8.30 — English Examined programme 53; 8.45 — Sun Poems by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — Hot Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.30 — Science Pop; 10.00 — Close Down.

### MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Four Five : "The Violent Sun" by Hand Fox 8.45 — John Fox presents; 9.15 — News; 9.30 — World of Books; 10.00 — Close Down.

### TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. **Ja'afar Pop Music Night** : 8.00 — Opening Announcement — Just For You/Quiz; 8.30 — Just Spot with Collin Clark; 8.45 — Just For You Quiz; 9.00 — Rock Line; 9.15 — Pop Music From Asia; 10.00 — Close Down.




# KEJOHANAN RENTAS DESA B.A.A.A.

TUTONG.—Sa-ramai lebeh daripada 100 orang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan terbuka kejohanan Rentas Desa anjoran Persatuan Sokan Amatur Negeri Brunei yang telah di-langsongkan di-Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong di-sini pada hari Ahad 10hb Mei lalu.

Kejohanan tersebut ada-lah merupakan kali kelima di-anjorkan dan ia-nya di-bahagikan kapada lelaki veteran, perempuan dan kanak2 sa-jauh empat batu dan lelaki senior dan junior sa-jauh tujoh batu.

Awang Gordon Leaf telah munchol sa-bagai juara dalam bahagian lelaki senior sementara Dayang Masbah bte Gunong juara dalam bahagian perempuan.

# PESTA SOKAN 1981 BERJALAN HINGGA 3HB. JUN

Oleh : JAHRI ABD LATIF
Gambar2 oleh : AK ABU BAKAR PG OTHMAN

GADONG.— Pelancharan Pesta Sokan 1981 anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah di-sempurnakan perasmian-nya oleh Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin pada Ahad, minggu lepas, bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah, di-sini.

Sa-ramai lebeh daripada 1,000 orang peserta daripada 12 buah persatuan2 sokan di-negeri ini turut mengambil bahagian di-dalam 12 achara2 yang dipertandingkan di-sepanjang pesta tersebut.

Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan yang juga selaku Pengerusi Tertinggi Pesta Sokan 1981 Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain di-dalam kata2 aluan beliau menjelaskan yang ada-lah menjadi harapan beliau yang pesta ini akan di-jadikan sa-bagai projek tahunan bagi Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Pada masa ini, menurut Yang Berhormat Pehin, terdapat 22 buah persatuan sokan yang berdaftar di-negeri ini dan dari jumlah ini 14 buah daripada-nya telah bergabong dengan Majlis Sokan Negeri dan Badan2 Sokan di-perengkat Asia dan Antarabangsa. Yang Berhormat Pehin selanjut-nya menasehatkan badan2 atau pun persatuan2 sokan yang belum berbuat demikian supaya berusaha untok menggabongkan bagi faedah dan kebajikan persatuan2 itu tadi dalam memajukan seni sokan sa-chara menyeluroh dan "constructive".



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain.

Pesta ini ada-lah bertujuan untok menyatu padukan tenaga2 belia dan merapatkan lagi perhubongan badan2 sokan di-negeri ini di-samping menguatkan lagi usaha2 bagi mengasoh ahli2 ka-dalam bidang kesokanan masing2. Sikap persendirian atau pun hanya berlateh untok tujuan menghadhiri jemputan dari luar negeri atau pun ada temasha dalam negeri maka baharu-lah mengadakan latehan hendak-lah di-hapuskan.

"Sa-telah di-perhatikan bahawa badan2 sokan di-negeri ini tidak banyak yang membuat kegiatan dan latehan2 tempatan di-sepanjang tahun, dengan Pesta ini dapat-lah kita mengukor dan menggumpulkan tenaga sokan negeri ini sa-mata2 untok mengkaji sa-jauh mana kemajuan dan kebudayaan badan2 sokan bagi melateh dan menyediakan ahli2-nya bagi melengkapkan diri masing2 dalam mengendalikan upachara2 yang lebeh besar dari pesta ini kelak," tambah Yang Berhormat Pehin lagi.

Achara kemunchak Pesta Sokan itu nanti akan di-adakan perlawanan akhir bolasepak di-mana achara sa-terus-nya akan di-selajorkan dengan upachara penutop rasmi oleh Penasehat Umom Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.



YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin di-perkenalkan kapada salah sa-orang ketua peserta achara bola jaring (atas). Para peserta olahraga berbaris lalu di-upachara pelancharan rasmi pesta sokan 1981.





..NG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato ..tia Awang Haji Hussain menyampaikan chenderamata ka..da YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

## *B-sepak sekolah2 Asia :*

# BRUNEI PILEH 17 PEMAIN IKUTI LATEHAN PUSAT

..ANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran melalui Bahagian Latehan Jasmani telah memileh 17 orang pemain yang terdiri dari penuntut2 sekolah2 dan maktab2 di-seluroh negeri bagi mewakili Brunei ka-pertandingan bolasepak sekolah2 Asia kali ke-10 yang akan di-adakan di-Jakarta mulai 20hb hingga ..hb Jun depan.

Nama pemain2 yang di-sertakan dalam skuad Brunei itu terdiri dari Awg Idris Haji Ja'afar; Ak Waslimin Pg Hj. Momin, Awg Faisal Md Yusof, Awang Omarali Haji Ibrahim, Awg Sufri H. Rakawi, semua-nya dari Maktab SOAS Bandar Seri Begawan, Awang Mahmud Ali dari St. James, Awang Tikun Tubi dari MMPSBS/SS, Awang Isa H. Bakar dari BES.

Awg Zainal Alias, Awg Japri Samad, Awg Azmi Julaihi, Awg Zainuddin Kassim semua-nya dari PWES Belait. Awg Azmi Ja'afar dari St. Michaels; Awg Zulkefli Md Taha dan Awang Lim Vee Lives kedua2-nya dari AAC; Awang Franchis Thomas dan George Malik Nyambong dari SBES, Tutong.

Kesemua pemain2 yang telah terpileh itu kini menjalani latehan pusat bertempat di-Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara yang telah bermula pada hari Ahad 17hb. Mei. Dan ada-lah di-fahamkan bahawa latehan tersebut akan di-jalankan selama satu bulan.

Sa-belum bertolak ka-Jakarta, skuad Brunei itu di-jangka akan mengadakan perlawanan bolasepak sa-cahara persahabatan dengan pasokan luar negeri ia-itu Sabah. Tujuan pertandingan ini ia-lah bagi menambahkan serta meningkatkan performance pemain2.

Dalam sejarah pertandingan bolasepak, Brunei telah pun mengambil bahagian sa-banyak lapan kali dan akhir sekali pada tahun 1980 di-Bangkok dengan menchatetkan sejarah di-mana Brunei telah mendapat tempat ketiga bersama2 dengan Singapura.

## Perlawanan akhir Bulutangkis

BANDAR SERI BEGAWAN. —Perlawanan perengkat akhir kejohanan bulutangkis sekolah2 dan maktab2 sa-negeri bagi lelaki dan perempuan di-jangka akan berlangsong pada hari Jumaat dan Sabtu, 22hb dan 23hb Mei ini.

Perlawanan tersebut akan di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini bermula jam 7.00 malam. Sa-banyak sembilan permainan akan di-jalankan.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat di-jangka akan menyampaikan hadiah kapada pemenang.

## Perlawanan b-sepak bagi Daerah Tutong

TUTONG. — Perlawanan bolasepak sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun bagi Daerah Tutong telah di-mulakan pada hari Selasa 12hb Mei lalu.

Sa-jumlah 11 buah pasokan dari berbagai-bagai jabatan di-Daerah itu telah mengambil bahagian. Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Pejabat2 Daerah Tutong.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00, jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   **'B' — $545.00 — $665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $731.00 — $851.00**
   **'A' — $565.00 — $685.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $751.00 — $871.00**
   **'X' — $625.00 — $750.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $811.00 — $936.00**
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.





## Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

## SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00 jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00–$665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah $731.00–$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui Radio dan Talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb September, 1981

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**PUSAT LATEHAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**PERKHEMAHAN BOLKIAH**
**BRUNEI**

**TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.**

## ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..........................................................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..........................................

Tarikh lahir : .............................. Tempat lahir : ..........................................

Alamat : ..........................................................................................

..........................................................................................

Nama Warith : .............................. Tarikh lahir : ..........................................

Hubongan : .............................. No. Kad Pengenalan : ..........................................

Alamat Warith : ..........................................................................................

Nama Sekolah : ..........................................................................................

Tingkatan : ..............................

Kelulusan : ..........................................................................................

Kerjaya yang di-pileh : ..........................................................................................

No. Talipon : ..............................

Tarikh : .............................. ..............................
*Tandatangan*

# AMDB MEMPELAWA KERJAYA YG MENGGEMBIRAKAN SERTA MENGUNTONGKAN BAGI BELIAWANIS



PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei mempelawa beliawanis Brunei kerjaya yang menchabar, menguntongkan dan menggembirakan. Pasokan AMDB menjemput permohonan2 daripada chalun2 yang sesuai dan berkelayakan sa-bagai Pegawai2 yang Tidak Bertauliah di-dalam Pasokan.

Pasokan ini mempunyai berbagai2 pekerjaan yang bersesuaian dengan kebolehan dan minat sa-tiap Beliawanis. Kamu boleh memileh daripada bidang pekerjaan yang meluas termasok JURULATEH, PEMBANTU KERANI, GAJI DAN KEWANGAN, SETOR ACCOUNT, FITTER PERKAKAS2 SURVIVAL, PULIS, TUKANG MASAK, PEMANDU KERETA, PEMBANTU PERUBATAN/JURURAWAT, KERANI/PENOLONG KLINIK PERGIGIAN, PENGAWAS SETOR/JURUKIRA.

GAJI: Tangga gaji daripada $500.00–$810.00, tergantong kapada jenis pekerjaan dan pangkat yang di-sandang. Alaun permakanan sa-banyak $186.00 sa-bulan dibayar bila berkelayakan.

## SHARAT2 KEMASOKAN

Bagi memasoki kerjaya ini, mesti-lah memenohi perkara2yang berikut:

a. Sa-seorang itu mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan ada-lah tergolong daripada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu: BELAIT, BISAYAH, BRUNEI, DUSUN, KEDAYAN, MURUT dan TUTONG.

b. Atau jika tidak tergolong daripada tujoh puak jati Melayu, sa-orang itu mesti-lah berugama Islam, dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei dan ia-nya adalah sa-orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei mengikut dalam undang2 yang tertentu bagi warga negara Brunei.

c. Umor di-antara 18 hingga 28 tahun pada 21hb September 1981.

d. Taraf kelamin: Bujang.

e. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki.

f. Berat badan tidak kurang daripada 100 lbs.

g. Lulus pemereksaan perubatan Tentera.

## KELAYAKAN2 AKADEMIK:

Lulus BJCE, mereka yang mempunyai kelulusan2 yang lebeh tinggi akan di-berikan keutamaan.

## LATEHAN:

Jika di-terima, akan menjalani latehan asas ketenteraan sa-lama enam minggu bertempat di-Perkhemahan Bolkiah, yang mana akan melayakkan chalun2 di-dalam asas2 keahlian dan tata-tertib ketenteraan. Tergantong kapada chalun berjaya menamatkan latehan itu, chalun akan menjalani kursus Jurulateh sa-lama empat minggu lagi.

## PERMOHONAN2:

Chalun2 mungkin akan mempunyai banyak lagi pertanyaan2 dan perkara2 untok di-perbinchangkan. Mengapa tidak di-hantar borang di-bawah ini, atau jika mahu, hubongi-lah Pejabat Pengambilan Pasokan, Perkhemahan Bolkiah di-waktu2 Pejabat dibuka bagi butir2 selanjut-nya. Ini terpulang-lah kapada kamu, dari itu BERTINDAK-LAH SEKARANG. ATAU kamu mungkin akan kehilangan peluang ke-emasan ini bagi memperolehi satu kerjaya yang baru dan menggembirakan yang mempunyai penoh chabaran serta menguntongkan.

## TARIKH TUTOP:

Permohonan2 tidak akan di-layani sa-lepas 30hb Jun 1981.

— — — — — — — — — Potong di-sini — — — — — — — — —

Kapada: Pejabat Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Talipon: 30531 Sambongan 01/02

Saya berminat dalam kerjaya tentera sa-bagai ....................

Tulis-lah kapada saya atau panggil-lah saya untok di-temu-duga Talipon ....................

Nama: ....................

No. Kad Pengenalan: .................... Warna: ....................

Tarikh lahir: .................... Umor: .................... Keraayatan: ....................

Tinggi: .................... Berat badan: .................... Kelayakan2 akademik: ....................

....................

Alamat: ....................

....................

(Keputusan2 perpereksaan yang berkenaan hendak-lah di-sertakan bersama).

# Kenyataan tawaran

## TENDER NOTICE

### SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER FILTRATION SYSTEM AT OUTPATIENT DEPT., NEW GENERAL HOSPITAL, BRUNEI

REGISTERED specialist water filtration and ancillary equipment Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Water Filtration System for Hydrotherapy Pool at Outpatient Department, New General Hospital Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd May 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 23rd June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER FILTRATION SYSTEM AT OUTPATIENT DEPARTMENT, NEW GENERAL HOSPITAL, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER No. 25/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 UNITS CLASS 'F' QUARTERS AT SINAUT AGRICULTURE TRAINING CENTRE

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked: —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASS 'F' QUARTERS AT SINAUT TRAINING CENTRE".

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 26/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR TELECOMMUNICATIONS TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked: —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR TELECOMMUNICATIONS TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN,"

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### SERIAL No. 27/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 16th June, 1981.

AIR CONDITIONING INSTALLATION PHASE II OPERATIONS BLOCK BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation for Operations Block, Brunei International Airport, Brunei.'
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 28/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 26th May, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT S.M. JUNJONGAN, JALAN MULAUT.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked: —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT S.M. JUNJONGAN, JALAN MULAUT."

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI WIREMAN TINGKATAN II DI-JABATAN LAUT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Wireman Tingkat II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman praktikal sa-bagai electrical wireman.
b) Pemohon2 mesti-lah pandai membacha electrical circuit dan rajah2 wiring.
c) pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan yang di-gunakan dan chara2 wiring electrical circuit.
d) Pemohon2 mesti-lah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul 'am bahagian2 electrical starter motors, batteri2, generator2 kechil, peralatan lighting dan electrical motors.

**Tangga Gaji :**
F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Jun, 1981.
(E/550/77 — Bil : 65/1981)

## Sa-bagai Merinyu Kanan Bandaran

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Merinyu Kanan Bandaran di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil Persekolahan dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam perjawatan tetap. Mereka yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-atas tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan sa-bagai Merinyu Bandaran sekurang2-nya sa-lama tiga tahun boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615 - 1685 / E B / 1735-1795-1855-1915-1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mei, 1981.
(E/265/73 — Bil: 73/1981)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB.6/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 26hb Mei, 1981 bagi:—

CONSTRUCTION OF CONCRETE ROADS AND DRAINS TO BUKIT GATES WATER TANK IN LABI.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.6/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF CONCRETE ROADS AND DRAINS TO BUKIT GATES WATER TANK IN LABI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.7/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 26hb Mei, 1981 bagi:—

SANDFILLING TO PROPOSED ACCESS ROAD AT MILE 4½, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB.7/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for : —

SANDFILLING TO PROPOSED ACCESS ROAD AT MILE 4½, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.
## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invited tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. SES/61/81
   CATEGORY 16
   The provision of services for the gritblasting and painting of Lorong 10B Bridge Block 'F'.
2. TENDER No. LEN/92/81
   CATEGORY 7
   To provide a service team, comprising of one Engineering Supervisor, six skilled Electricians and four semi skilled Electricians to Electrical Engineering Department(LEN/2) at Brunei LNG Ltd., Lumut.
3. TENDER No. EPS/96/81
   CATEGORY 1
   Site preparation and laying of timber matting for abandonment of wells by H-37 workover hoist Seria Field.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED MALAY SCHOOL FOR RBMR AT 1ST FLOTILLA BASE, MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 2nd June 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED MALAY SCHOOL FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA.
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 6th May 1981 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED ASU ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, ARMY WORKS, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' and 'B' Airconditioning Contractors up to 12.00 noon, 2nd June 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED ASU ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, ARMY WORKS, SERIA."
4. Tender document may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 13th May 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The Tender Deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Airconditioning Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED ASU ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, ARMY WORKS, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 26th May 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED ASU ACCOMMODATION, MEDICINA LINES, ARMY WORKS, SERIA."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 6th May 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1981.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER No. 21/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 19th May, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 12 CLASSROOMS BLOCK AT SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASSROOMS BLOCK AT SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA".

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 22/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 26th May, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 STOREY SCHOOL BLOCK FOR SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical E
Bandar Seri Begawan.

The tender docume
placed in a plain envel
dressed to the Tenders B
The envelope to be
marked : —

"TENDER FOR T
ELECTRICAL INST
LATION FOR 2 ST
REY SCHOOL BL
FOR SEKOLAH ME
YU LIMAU MA
BRUNEI."

Tender deposit of $
shall be in the form
cheque refundable only
unsuccessful tenderers
the receipt of a bona
tender.

### TENDER No. 23/19

TENDERS will be recei
the Tenders Board, B
Seri Begawan, Brunei fro
registered Electrical W
Contractors, Class "A"
"B" up to 12.00 noo
Tuesday, 26th May, 19
the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR SPECIALIST PHYSICI CLINIC OF GENERAL HOSPITAL AT BANDAR SERI BEGAW

Tender documents ma
obtained from the office
Chief Electrical Eng
Bandar Seri Begawan.

The tender documents
placed in a plain envelo
dressed to the Tenders Bo
The envelope to be c
marked : —

"TENDER FOR TH
ELECTRICAL INSTA
LATION FOR SPECIA
IST PHYSICIAN CLIN
OF GENERAL HOS
TAL AT BANDAR SE
BEGAWAN."

Tender deposit of $10
shall be in the form of a
que refundable only to al
successful tenderers upo
receipt of a bona fide tend

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 47 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 19th May, 1981 for : —

LAYING OF 6", 4", 3" A.C. AND G.I. PIPE FOR R.B.M.R. RESIDENTIAL AREA, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 48 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for : —

SUPPLY OF FURNITURE FOR :

i. 2 BLOCKS OF THREE STORIES SIX UNITS JUNIOR OFFICER FLAT (12 UNITS) AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.
ii. 3 UNITS 'E' QUARTERS, AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.
iii. 2 UNITS 'C' QUARTERS, AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 49 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Boa
Brunei up to 12.00 noon
26th May, 1981 for : —

RENOVATION TO TH
EXISTING HEALT
CLINIC AT KAMPON
LIMAU MANIS, BRUN

Tender documents and
particulars may be seen at
office of Public Works Depa
ment, Bandar Seri Begaw
Brunei.

### No. 50 OF 1981

TENDERS will be recei
from Class "AX" and ab
P.W.D. Brunei registered c
tractors by Tenders Bo
Brunei up to 12.00 noon
26th May, 1981 for : —

PROPOSED 3 UNITS O
SINGLE STOREY CLA
'F' QUARTERS AT S
NAUT AGRICULTUR
TRAINING CENTRE,
BRUNEI.

Tender documents and
particulars may be seen at
Office of Public Works Depa
ment, Bandar Seri Begaw
Brunei.

### No. 51 OF 1981

TENDERS will be recei
from Class "B" and ab
P.W.D. Brunei registered c
tractors by Tenders Bo
Brunei up to 12.00 noon
26th May, 1981 for : —

NEW LINK MAIN BE
TWEEN MELABAU B
RU AND MELAB
LAMA RESERVOIR,
BRUNEI.

Tender documents and
particulars may be seen at
office of Public Works De
ment, Bandar Seri Bega
Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. STEWARD RUMAH SAKIT: (di-Jabatan Perubatan dan Kesibatan).

Umor:

Di-antara 18 hingga 25 tahun.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan berpengalaman dalam masak memasak saperti masakan tempatan dan permakanan barat.

Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kaki-tangan serta mahir menguruskan permakanan Rumah Sakit, menyediakan permakanan pesakit2 dan urusan dapor akan di-beri keutamaan.

**Tangga Gaji:**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

2. PEMBANTU BILEK GELAP: (Dewan Bahasa dan Pustaka).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai kelulusan tiga mata-pelajaran Perengkat 'O' (termasok mata-pelajaran bahasa Melayu) dalam Sijil 'Am Pelajaran;

b) Berpengalaman sa-bagai jurugambar ATAU memproses filem.

**Tangga Gaji:**

D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKATAN II:

(Setia Usaha Kerajaan Bahagian Sukatan dan dan Timbangan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah pandai memandu motor sangkut serta berkemahiran dalam soal membaiki jentera motor sangkut yang kerosakan2 kechil.

b) Pemohon2 mesti-lah sanggup berkhidmat di-mana2 sahaja mereka di-tugaskan bekerja di-dalam negeri ini.

c) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 tahun hingga 40 tahun.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemandu motor sangkut bergaji hari di-Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Tangga Gaji:**

F. 2-3-4 EB. 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

4. TUKANG KAYU: (Jabatan Kehutanan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sabagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh: —

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.

b) Menyediakan taksiran kayu dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

**'Am:**

Permohonan2 yang berjaya akan bertugas di-Balai Pemereksaan Barang2 Hutan di-Sungai Liang. Rumah dan kenderaan tidak di-sediakan.

**Tangga Gaji:**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Jun, 1981.

(E/26/75 — Bil: 74/1981)

### J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB.6/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 26hb Mei, 1981 bagi:—

CONSTRUCTION OF CONCRETE ROADS AND DRAINS TO BUKIT GATES WATER TANK IN LABI.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB.6/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for: —

CONSTRUCTION OF CONCRETE ROADS AND DRAINS TO BUKIT GATES WATER TANK IN LABI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB.7/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 26hb Mei, 1981 bagi:—

SANDFILLING TO PROPOSED ACCESS ROAD AT MILE 4½, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB.7/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for: —

SANDFILLING TO PROPOSED ACCESS ROAD AT MILE 4½, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. 8/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas A sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 2hb Jun, 1981 bagi:—

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO GOVERNMENT QUARTERS AND ANCILLARY WORKS AT KUALA BELAIT AND SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. 8/1981**

TENDERS will be received from Class A only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for: —

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO GOVERNMENT QUARTERS AND ANCILLARY WORKS AT KUALA BELAIT AND SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. EPS/90/81**
   **CATEGORY 4**
   Construction of timber matting and fence at New Refinery Site, Seria for Site storage yard.
2. **TENDER No. LEN/97/81**
   **CATEGORIES 6 & 32**
   Extension of Air Intake Stacks of Boilers F5201 and 3 as detailed in specification No. FP1136.
3. **TENDER No. EPS/104/81**
   **CATEGORIES 7 & 30**
   Labour only contract for the electrical and air-cond. installation to the ECO office.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak antoloji sajak "Pakatan" untok Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

2. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perkataan TAWARAN MENCHETAK PAKATAN di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

tidak lewat dari hari Isnin, 8hb Jun, 1981.

3. Kerajaan tidak terikat kapada mana2 tawaran2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 22/81

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the supply of the undermentioned Gibault Joint.

CAST IRON GIBAULT JOINT C/W BOLT AND NUT AND RUBBER RING SUITABLE TO USE WITH A.C. PIPE CLASS B AND C — TO BS 486/56.

Details regarding requirements for the above Gibault Joint are obtainable from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei during office hours.

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT

REGISTERED Class A Electrical Contractors Registered with the Brunei Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to Proposed Sergeants Mess 1—Penanjong Cantonment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 21st May, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 16th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1—PENANJONG CANTONMENT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

### KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagai menchetak "Tataraayat Darussalam," Buku 2 untok Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1 Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK TATARA'AYAT DARUSSALAM di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat dari hari Isnin, 8hb Jun, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana-mana tawaran2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

### NOTIS TAWARAN PEJABAT DAERAH BELAIT

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan hingga jam 12.00 tengah hari 25hb Mei, 1981, bagi membekalkan kenderaan berikut: —

A. One (1) Unit Land Rover Long Wheel Base. Atau
   One (1) Station Wagon 4 Wheel Driver

B. One (1) Unit 26 seater Bus.

C. One (1) Unit Long Wheel Base 5 Ton Truck.

Keterangan2 lanjut mengenai dengan penentuan2 (specifications) bagi kenderaan2 ini boleh di-dapati dari Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait.

Tarikh penghantaran mesti-lah di-nyatakan tetapi tidak lewat 3 (tiga) bulan.

Tawaran hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat yang bertutop. Tanda2 yang menunjokkan nama2 penawar jangan sekali di-taroh di-atas sampul surat itu. Sampul surat tersebut hendak-lah di-alamatkan kapada:

Lembaga Tawaran Brunei,
d/a Pegawai Kewangan Negara,
Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Sampul surat hendak-lah di-tanda dengan terang "Tawaran Untok Membekalkan Land Rover/Bus/Truck Bagi Pejabat Daerah Belait."

Penawar boleh menghantar tawaran bagi salah satu barang2 yang di-sebutkan di-A, B dan C dengan chara berasingan.

Sharikat2 yang menghantar tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis kenderaan yang di-tawarkan berserta dengan butir2 berikut:—

i) Tarikh Sampai
ii) Harga CIF Brunei
iii) Lama Dalam Jaminan
iv) Lain2 Hal, Jika Ada.

Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di-atas atau yang tidak di-alamatkan dengan betul tidak akan di-layan.

Kerajaan Brunei tidak akan terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### JABATAN TALIKOM BRUNEI KENYATAAN TAWARAN

1. TAWARAN ada-lah di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, Sabtu 30hb Mei 1981.
2. Tawaran2 yang di-terima lewat daripada tarikh dan waktu yang di-tetapkan akan di-tolak.
3. Tawaran2 ada-lah bagi pembekalan kenderaan yang berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| Light Vans | — | 21 buah |
| 15 Cwt Pick-Ups | — | 2 buah |
| 3 Ton Trucks | — | 2 buah |

4. Tarikh pembekalan kenderaan hendak-lah di-nyatakan. Harga2 yang di-tawarkan ada-lah menurut CIF.
5. Tawaran2 mesti-lah di-hantar di-dalam sarong surat bertutop dan mempunyai tanda

"TAWARAN KENDERAAN UNTOK JABATAN TALIKOM BRUNEI"

tanpa membuboh nama pengirim-nya.

6. Keterangan2 lanjut boleh di-perolehi di-Pejabat Pengarah Talikom Brunei di-Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan dengan membayar wang chagaran sa-banyak $200.00.
7. Kerajaan Brunei tidak-lah terikat untok menerima sebarang tawaran atau tawaran yang paling rendah.

### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT BRUNEI VEHICLE TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon Saturday May 30th 1981.
2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.
3. Tenders are for the supply of the following vehicles: —

| | | |
|---|---|---|
| Light Vans | — | 21 units |
| 15 Cwt Pick-Ups | — | 2 units |
| 3 Ton Trucks | — | 2 units |

4. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted on CIF
5. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked

"TENDERS FOR SUPPLY OF VEHICLES TO TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of the tenderer.

6. Further details may be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $200.00.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PENOLONG PEMEREKSA BUROH

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pemereksa Buroh, di-Pejabat Buroh, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 hendak-lah sa-baik2-nya lelaki berumor ti-dak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 35 tahun dan mesti-lah: —

a) Mempunyai 2 mata-pela-jaran perengkat lanjutan dan 2 mata-pelajaran pe-rengkat biasa ('O' Level) atau

b) Telah berkhidmat seku-rang2-nya 4 tahun dan mempunyai 4 mata-pela-jaran perengkat biasa ('O' Level)

c) Hendak-lah boleh bertu-tor dan menulis dalam bahasa Melayu atau Ing-geris dengan faseh-nya.

**Tangga Gaji:**

D.'4 EB. 5-6 — $980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140-1175 / EB/1200 - 1230 - 1260 - 1290 - 1320-1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Jun, 1981.

(E/916/72 — Bil: 70/1981)

## MEMBUAT JAMBATAN KAYU DI-SUNGAI MAU, BUKIT SAWAT, DAERAH BELAIT

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa bagi membuat sa-buah jambatan kayu baru untok menyeberang Sungai Mau di-Jalan Kechil Bukit Sawat bagi Pejabat Daerah Belait.
2. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang bertutop dengan tidak menaroh tanda yang boleh mengenalkan nama pe-nawar.
3. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Ban-dar Seri Begawan, Brunei ti-dak lewat jam 12.00 tengah hari 28hb Mei, 1981. Di-atas sampul surat tersebut hendak-lah di-nyatakan dengan te-rang "TAWARAN MEM-BUAT JAMBATAN KAYU DI-SUNGAI MAU, BUKIT SAWAT, DAERAH BE-LAIT."
4. Keterangan lanjut menge-nai dengan perkara ini bo-leh di-dapati daripada Peja-bat Daerah Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.
5. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang telah di-tetapkan atau yang di-alamatkan dengan ti-dak betul, tidak akan di-layan.
6. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the supply of the undermen-tioned plywood.

A: PLYWOOD 8′ x 4′ (WBP) WEATHER BOIL PROOFED MA-NUFACTURED TO BSS 1455/1972 CONS-TRUCTED FROM MENKULANG OR MERANTI WOOD AND BONED WITH THERMOSETTING PHENOLIC ADHE-SIVE CONFIRMING BSS 1203 GRADE B/BB OR EQUIVAL-ENT.

B: RED MERANTI — MARINE PLYWOOD TO BSS 1088/1966 WBP.

Details regarding require-ments for the above plywood are obtained from the office of the Controller of Govern-ment Stores, Jalan Gadong, Brunei during office hours.

## TENDER NOTICE

### TELECOMMUNICATIONS DEPT. — TENDER NOTICE
### TENDER FOR LAYING CABLES IN THE POLICE HEADQUARTERS AREA JALAN GADONG

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecom-munications Department Bru-nei and have either A, B, or C Registration Class.
2. The said tenders are for excavation of trenches and laying of telephone cables in the Police Headquarters area in Jalan Gadong.
3. Tenders should be received by the Chairman Tenders Board, office of the State Fin-ancial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 23rd May 1981. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submit-ted in a plain sealed envelope marked: —

"TENDER FOR LAYING CABLES IN THE POLICE HEADQUARTERS AREA JALAN GADONG TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details of the ten-der can be obtained from the office of the Director of Tele-communications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Be-gawan, Brunei upon a deposit of $300.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition together with the receipt of the de-posit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the tender document.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### ARMY WORK, PENANJONG CANTONMENT OFFICERS' MESS

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Bega-wan, Brunei, from P.W.D. Registered Class "A" contrac-tors, for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 9th June 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.
3. Tenders shall be submitt-ed in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said en-velopes be marked clearly "TENDER FOR ARMY WORK PENANJONG CAN-TONMENT, OFFICERS' MESS.
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Be-gawan, Brunei from Wednes-day 13th May 1981, during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 1ST JUNE 1981.
5. The Tender Deposit will be $5,000.00 and will be re-fundable to each unsuccessful tenderers, but forfeited by any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

The amount shall be in Bank Draft or cheque payable to the Government of Brunei.

6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to: —
   1) Produce documentary evidence that he is P.W.D. Registered Class "A" Contractor.
   2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government re-quirement in respect of the Financial Guarantee.
   3) Produce a letter from his Bank (the said Bank being a well-known and stable Bank) stating in the event of his ten-der being accepted, the said Bank would be willing to furnish him with a Banker's Guarantee in accor-dance with the con-ditions of Contract. This should be at-tached to the Tender Document.
7. Tenders shall be submitt-ed only on the Forms of Ten-der Provide.
8. The Government of Bru-nei does not bind itself to accept the lowest or any Ten-der.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### PENYAMBONGAN, PENGUJIAN DAN PENAMATAN KEBEL DI-IBUSAWAT SENGKURONG

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa daripdaa pemborong2 tempatan yang berdaftar de-ngan Jabatan Talikom Brunei dan mempunyai Kelas Pen-daftaran 'A'.
2. Tawaran tersebut ia-lah bagi penyambongan, penguji-an dan penamatan kebel, ka-binet dari tiang2 pembahagian di-Ibusawat Sengkurong.
3. Tawaran2 hendak-lah di-sampaikan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 23hb Mei 1981, jam 12.00 tengahari. Tawaran yang di-terima sa-sudah tarikh dan waktu ini akan di-tolak.
4. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul surat bertutop dan sampul surat tersebut di-tulis dengan perkataan:

"PENYAMBONGAN, PENGUJIAN DAN PENAMATAN KEBEL DI-IBUSAWAT JABATAN TALIKOM, BRUNEI"

tanpa membuboh nama pengi-rim-nya.

5. Keterangan2 lanjut menge-nai dengan tawaran ini boleh di-dapati daripada Pejabat Pengarah Talikom, Brunei di-Jalan Istana Darusalam, Ban-dar Seri Begawan, Brunei dengan membayar wang cha-garan sa-banyak $500.00. Wang chagaran tersebut akan di-kembalikan kapada tawar-an2 yang tidak berjaya de-ngan sharat semua keterang-an2 yang telah di-berikan (dokumen tawaran) di-kem-balikan kapada Pejabat Pe-ngarah Talikom dengan kea-daan baik bersama2 dengan resit pembayaran. Wang cha-garan tersebut akan hilang jika tawaran2 tidak di-kemukakan atau di-atas ke-gagalan mengembalikan doku-men2 tawaran.
6. Kerajaan tidak akan teri-kat untok menerima mana2 jua tawaran atau yang paling rendah.

## TENDER NOTICE

### CUTTING ROAD CROSSING, FIXING P.V.C. PIPES AND RAISING MANHOLE FRAMES AND COVERS TO ROAD LEVEL

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecom-munications Department Bru-nei and have either A, B, or C Registration Class.
2. The said tenders are for cutting 3 main road crossings, fixing P.V.C. pipes in between two manhole and raising to final road level of 4 manhole frames and covers at Bandar Seri Begawan area.
3. Tenders should be received by the Chairman Tenders Board, office of the State Fin-ancial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 23rd May 1981. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submit-ted in a plain sealed envelope marked: —

"CUTTING ROAD CROSSINGS, FIXING P.V.C. PIPES AND RAISING MANHOLE FRAMES AND COVERS TO ROAD LEVEL TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details of the ten-der can be obtained from the office of the Director of Tele-communications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Be-gawan, Brunei upon a deposit of $500.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition together with the receipt of the de-posit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the tender document.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN No. 24/1981

TAWARAN ada-lah di-pela-wa dari Tukang2 Jahit yang berdaftar untok membekal dan menghantar pakaian2 se-ragam bagi kaki-tangan Peja-bat Letrik Brunei. Tawaran2 hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari pukol 12.00 tengah hari pada 25hb Mei, 1981.

Perkara (1) 326 pasang pa-kaian seragam bagi Peja-bat Letrik Kuala Belait/Seria/.

Perkara (2) 614 pasang ... kaian seragam bagi P... bat Letrik Brunei-M...

Perkara (3) 88 pasang ... Pejabat Letrik T... dan Temburong.

Keterangan2 lanjut bo... di-dapati dari Ibu Pejabat L... trik Bandar Seri Begawan p... da waktu bekerja.

Pemborong2 di-kehenda... membayar wang chengken... sa-banyak $200.00 dalam be... tok cheque yang mana ak... di-kembalikan sekira-nya pe... borong tidak berjaya.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-pela-wa dari pembekal2 tempatan bagi membekal dan mema-sang satu unit HARCO LA-MINATING MACHINE Model 1114F untok pejabat Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Pembekal2 yang berjaya hendak-lah bersedia dengan sharat2 berikut: —

a) Mesin itu hendak-lah da-lam jaminan sa-lama sa-tu tahun sa-lepas pemasa-ngan-nya, semua perka-kas ganti dan lain2 hen-dak-lah di-tanggong oleh pembekal;

b) Mengadakan sa-orang mekanik yang mahir de-ngan mesin tersebut sa-baik2-nya di-dalam negeri supaya senang di-hubongi pada bila2 masa di-ke-hendaki sama ada di-da-lam jaminan atau sa-lepas tempoh jaminan dan

c) Bersedia membekal per-kakas2 ganti bagi mesin tersebut dan lain2 barang keperluan-nya.

Pembekal2 hendak-lah me-nyatakan tempoh pembekalan dan harga CIF Brunei ter-masok chukai kastam dan per-belajaan pemasangan.

Tawaran2 hendak-lah d... masokkan di-dalam samp... surat biasa yang bertutop d... ngan chatetan di-sebelah a... sampol surat tersebut "ME... BEKAL DAN MEMASAN... HARCO LAMINATIN... MACHINE," lain2 tanda y... boleh mengenalkan siapa p... mohon tidak-lah boleh d... buat ka-atas sampol s... tersebut.

Sampol surat tersebut m... ti-lah di-alamatkan kap... Pengerusi, Lembaga Tawa... di-Pejawai Kewangan Neg... Tingkat Bawah, Bangu... Pejabat2 Kerajaan, Band... Seri Begawan, Brunei d... hendak-lah sampai kapa... nya tidak lewat dari pu... 4.00 petang pada 15hb Ju... 1981.

Tawaran2 yang di-teri... lewat dari waktu dan tar... tersebut akan di-tolak.

Untok keterangan2 yang l... beh lanjut, pembekal2 ya... berminat dengan tawaran i... boleh-lah berhubong kapa... Pejabat Imigeresen dan Pe... daftaran Kebangsaan Ba... gian Kad Pengenalan.

Kerajaan tidak terikat u... tok menerima tawaran ya... sa-habis rendah atau sebara... tawaran.

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT TENDER NOTICE

### TAILORING FOR AIRPORT LABOURERS' UNIFORMS

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tende... Board at the office of the State Financial Officer, Ground Flo... of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, up to 4 p... on Monday 25 May 1981.

i) **Tailoring and Supply of Dacron Materials:**

Overseer Uniform short sleeve with trousers $ ............ per pai...

Chief Traffic Hand/Mandore Uniform, short sleeves with trousers $ ............ per pair

Groundsman/Cleaner Uniform, short sleeve with trousers $ ............ per pair

Lady Cleaner Uniform, short sleeve with trousers $ ............ per pair

Traffic Hand Uniform, short sleeve with trousers $ ............ per pair

Sub-Overseer/Mandore Unfiorm, short sleeve with trousers $ ............ per pair

Driver/Fitter/Mechanic Uniform/Overall, short sleeve with trousers $ ............ per pair

ii) **Workmanship of Green Cotton Drill**

Groundsman/Gardeners Uniform, short sleeve with trousers $ ............ per pair

Airfield Labourers Uniform, short sleeves with trousers $ ............ per pair

2. Details of uniforms and material can be obtained fro... Room 11, Civil Aviation Administration Block, Brunei Inte... national Airport.
3. All uniforms must be tailored within reasonable ti... and to the satisfaction of the Director of Civil Aviation. ... the uniforms are not done to his satisfaction, they may ... returned to the Contractor who will make the necessary i... provements without extra charge.
4. The period of contract will be for one year commenci... from June, 1981. The contract may be terminated by eit... party giving one month's notice in writing.
5. Tender deposit will be $200.00, refundable to the ... successful tenderers upon receipt of the official receipts.
6. Tender must be placed in plain sealed envelope witho... any indication of the tenderer and addressed to:

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor of Government Offices,
Bandar Seri Begawan

and clearly marked:

"TAILORING FOR AIRPORT LABOURERS' UNIFORMS"

7. Any tender received in envelope not properly addre... will be rejected.
8. Government does not bind itself to accept the low... or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENYUNTING KANAN (INGGERIS)

MOHONAN2 ada-lah di- daripada chalon2 yang untok memenohi kosong sa-bagai Pe- Kanan (Inggeris) Setia Usaha Kera- Bahagian Penerangan,

**...an2 dan Pengalaman:**

...nyai pengalaman se- ...nya tiga tahun sa- penyunting dengan sa- akhbar bahasa Inggeris ...an penerbitan majal- ...eris atau radio. Ke- akan di-beri kapada yang mempunyai pe- ...n bekerja dengan per- ...an penerangan atau perkhidmatan pener- majallah. Pengetahuan Melayu merupakan ...ebehan.

...edia dan menyunting untok siaran akhbar, ...an buku2 dan risalah bahasa Inggeris.

**... Gaji:**

...4 EB. 5 — $1735-1795- ...915 - 1980 - 2035 - 2095- ...215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Jun, 1981.

(E/73/80 — Bil: 63/1981)

## Sa-bagai Jururawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jururawat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2:**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelulusan2 yang berikut:—

a) Sijil S.R.N.
b) Sijil S.C.M.
c) Kelulusan tambahan di-bidang Kejururawatan ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Tangga Gaji:**

M. 5 EB. 6 — B$1015-1040-1070-1100 - 1130 - 1160 - 1190 / EB/1230-1260-1290-1320/EB / 1350-1380 - 1410 - 1440 - 1470 - 1500. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mei, 1981.

(E/306/66/8—Bil: 75/1981)

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of Marine Paint ...ment for Flotilla.

| ...ial | Type/Brand | Qty Used For 12 months |
|---|---|---|
| | Chugoko Ravax Anti Fouling (Red) | 25 galls |
| | Chugoko Etching Primer Thinner | 6 ,, |
| | Chugoko Epi Zinc Primer Thinner | 6 ,, |
| | Chugoko Exterior White Closs | 6 ,, |
| | Chugoko Epicon Marine HB-AL White | 40 ,, |
| | Chugoko Evamarine Black CS 650 | 6 ,, |
| | Chugoko Ravax Non Slip Deck Brown | 6 ,, |
| | Chugoko Grey CS 614 Gloss | 6 ,, |
| | Chugoko Interior SC 649 Gloss Blue | 6 ,, |
| | Chugoko NZ Primer Thinner | 6 , |
| | Chugoko Vinyi Bottoping Black | 6 ,, |
| | Chugoko Evabond "K" Primer | 6 ,, |
| | Chugoko Expicon Marine HB-AC Red | 50 ,, |
| | Chugoko Epicon T-500 U/Coat | 6 ,, |
| | Chugoko Evabond Thinners N/3 | 46 ,, |
| | Chugoko Ravaxycrrosive | 28 ,, |
| | Chugoko No 3000 (Black) | 6 ,, |
| | Chugoko Biscon No 1000 | 6 ,, |
| | Chugoko Marine Finish Blue | 6 ,, |
| | Chugoko Evamarine Black Gloss | 43 ,, |
| | Chugoko Epicon Ravax Deck Grey | 25 ,, |
| | Chugoko Wnyl Thinners | 50 ,, |
| | Chugoko Etching Primer | 10 ,, |
| | Chugoko Epicon Zinc Ricy Primer "B" | 24 ,, |
| | Chugoko Etching Finish | 25 ,, |
| | Chugoko Bondet Putty | 23 ,, |
| | Chugoko Evamarine White U/Coat | 44 ,, |
| | Chugoko Epicon Thinners | 19 ,, |
| | Chugoko Marine Thinners | 6 ,, |
| | Chugoko Ravax Thinners | 10 ,, |
| | Chugoko Epicon Marine Antifouling | 50 ,, |
| | Chugoko Bison Thinners | 5 ,, |
| | Chugoko Ravax Deck Brown | 6 ,, |
| | Chugoko Resistant Paint White | 6 ,, |
| | Chugoko Ravax Red Ledd Primer | 49 ,, |
| | Chugoko Epicon T-500 Primer | 6 ,, |
| | Chugoko Bitumen Polution | 6 ,, |
| | Chugoko Blue Gloss CS 649 | 6 ,, |
| | Chugoko Vinyl White | 50 ,, |
| | Chugoko White Gloss | 6 ,, |
| | Epiglass Marine Coat U/Coat Surfacer | 13 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Gloss Strom Grey | 38 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Strom Grey Finish | 13 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Gloss White | 18 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Rescue Orange | 4 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Gloss Admiral Red | 4 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Sovereign Blue | 25 ,, |
| | Epiglass Marine Coat Gloss Squall Blue | 13 ,, |
| | Epiglass Coat Gloss Spinnaker Red | 6 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss White | 11 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer U/Coat Surfacer | 4 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Silhouette Black | 6 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Sovereign Blue | 9 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Marine Green | 6 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Finishing White Hardener | 25 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Rescue Orange | 4 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Strom Grey | 23 ,, |
| | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Deck Gream | 5 ,, |
| 59. | Epiglass Reaction Lacquer Gloss Compass Gold | 5 galls |
| 60. | Epiglass Reaction Lacquer Hardener | 25 ,, |
| 61. | Epiglass Reaction Lacquer Matt Brunei Green | 5 , |
| 62. | Epiglass Reaction Lacquer Matt Brunei Black | 5 ,, |
| 63. | Epiglass Marine Coat Non Skid Admiral Grey | 25 ,, |
| 64. | Epiglass E-Type Red Antifouling | 25 ,, |
| 65. | Epiglass Engine Enamel (Grey) | 3 ,, |
| 66. | Epiglass Neoseal | 25 ,, |
| 67. | Epiglass Epitar | 3 ,, |
| 68. | Epiglass ER 401 Sealer | 1 ,, |
| 69. | Epiglass Etch Primer and Hardener | 6 ,, |
| 70. | Epiglass Epoxy Zing Chromate and Hardener | 1 ,, |
| 71. | Epiglass Epivor Spar Varnish and Hardener | 1 ,, |
| 72. | Epiglass Everdure Preserver | 5 ,, |
| 73. | Epiglass Everdure Activator | 5 ,, |
| 74. | Epiglass Sanding Sealer | 5 ,, |
| 75. | Epiglass Rust Killer | 3 ,, |
| 76. | Epiglass Epiglue Epoxy Resin Glue | 11 ,, |
| 77. | Epiglass Epiglue Hardener | 34 ,, |
| 78. | Epiglass 521 Rescorcinal Resin Marine Clue | 6 ,, |
| 79. | Epiglass 521 Rescorcinal Resin Marine Clue Hardener | 6 ,, |
| 80. | Epiglass 521 Resorcinal Resin Marine Clue | 6 ,, |
| 81. | Epiglass Epifill White | 10 ,, |
| 82. | Epiglass Epifill Hardener | 13 ,, |
| 83. | Epiglass Epifill Mahogany | 6 ,, |
| 84. | Epiglass Epifill 1 | 4 ,, |
| 85. | Epiglass Flashfix | 6 ,, |
| 86. | Epiglass Flashfix Catelyst | 6 ,, |
| 87. | Epiglass Sealflex | 6 ,, |
| 88. | Epiglass 90 Resin | 23 ,, |
| 89. | Epiglass 90 Resin Hardener | 19 ,, |
| 90. | Epiglass Cleaning Fluid | 10 ,, |
| 91. | Epiglass Lacquer U/Coats Hardener | 12 ,, |
| 92. | Epiglass Sparing Thinner | 25 ,, |
| 93. | Epiglass Show Boat Polish | 44 ,, |
| 94. | Epiglass Safe Deck Cork | 6 ,, |
| 95. | Epiglass Silic Sand | 6 ,, |
| 96. | Epiglass Heavy Duty Paint Remover | 6 ,, |
| 97. | Epiglass Black Racing Antifouling | 6 ,, |
| 98. | Epiglass Red Finish | 6 ,, |
| 99. | Epiglass Etch Primer Coat | 6 ,, |
| 100. | Epiglass Midwatch Blue Marine Coat Finish | 6 ,, |
| 101. | Epiglass Silhouette Black Marine Coat Finish | 6 ,, |
| 102. | Epiglass M/Coat Surf White | 50 ,, |
| 103. | Epiglass Marine Coat Neoseal Primer | 3 ,, |
| 104. | Epiglass Teakwood Filler | 6 ,, |
| 105. | Epiglass Mahogany Wood Filler | 6 ,, |
| 106. | Epiglass Spinnaker Red | 25 ,, |
| 107. | Epiglass Universal Thinners | 24 ,, |
| 108. | Epiglass Univ Thinners | 6 ,, |
| 109. | Epiglass Antifouling Red | 6 ,, |
| 110. | Epiglass Polyester Resin 404-20 | 15 ,, |

3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from specialist contractor up to 4.00 p.m. Saturday 23rd May 1981.

4. Tenders must be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF MARINE PAINTS FOR FLOTILLA."

5. The succeseful tenderer is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 48 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for:—

SUPPLY OF FURNITURE FOR:

i. 2 BLOCKS OF THREE STORIES SIX UNITS JUNIOR OFFICER FLAT (12 UNITS) AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.
ii. 3 UNITS 'E' QUARTERS, AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.
iii. 2 UNITS 'C' QUARTERS, AT MUARA POLICE COMPLEX, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 49 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for:—

RENOVATION TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT KAMPONG LIMAU MANIS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 50 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for:—

PROPOSED 3 UNITS OF SINGLE STOREY CLASS 'F' QUARTERS AT SINAUT AGRICULTURAL TRAINING CENTRE, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 51 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th May, 1981 for:—

NEW LINK MAIN BETWEEN MELABAU BARU AND MELABAU LAMA RESERVOIR, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

### No. 52 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

PROPOSED TWO STORY SCHOOL BUILDING FOR KAMPONG SABA DARAT 'B' AT KAMPONG AYER BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 53 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

PROPOSED 4 UNITS STANDARD CLASS 'C' QUARTERS FOR SECURITY GUARDS AT MILE 3 JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 54 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

PROPOSED TEN ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C. GADONG, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 55 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND FOOT PATH FOR ACCESS ROAD TO ISTANA DARUL-HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 56 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO ACCESS ROAD TO JERUDONG POLO FIELD FROM JALAN JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 57 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO ACCESS ROAD TO REPEATER STATION, OFF COASTAL ROAD, JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 58 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO JALAN SEMBATANG SANTOL, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# GURU2 PERLU BERI KESEMPATAN KPD KANAK2 UTK MENCHIPTA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru2 di-negeri ini di-ingatkan supaya mengambil perhatian yang wajar dengan memberikan kesempatan kapada kanak-kanak yang berumor 12 tahun ka-bawah pada menchipta hasil2 kerja tangan dan seni-lukis dari daya pemikiran mereka sendiri.

Peranan yang guru2 mainkan hanya-lah untok memberikan galakan serta tunjok ajar pada membaiki lagi hasil2 kerja-tangan mereka itu dan bukan-nya untok terus mengajar mereka dengan perkara yang di-luar pengetahuan mereka.

### SENI-LUKIS

Demikian ingatan yang telah di-buat oleh Pemangku Penolong Penguasa Pelajaran Rendah, Awang Haji Julaihi bin Sulaiman ketika beruchap merasmikan pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan SPI Brunei III yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok pada hari Ahad yang lepas.

**Oleh: Ja'afar Ibrahim dan Aisah Piee**

Dengan berbuat demikian, kata-nya, kanak-kanak tersebut akan menghasilkan kerja2 tangan dan seni-lukis yang berlambangkan alam sekeliling mereka tegas-nya yang berorientasikan kehidupan mereka sa-hari2.

"Mithal-nya, kanak-kanak yang tinggal di-kampong ayer akan meluahkan serta perasaan lukisan mereka berlatar-belakangkan kehidupan di-kampong ayer dan begitu juga sa-balek-nya kanak-kanak yang tinggal di-darat akan menghasilkan lukisan yang berlambangkan kehidupan di-darat tegas-nya.

Dengan berbuat begitu, tambah-nya, kanak-kanak tersebut akan merasa puas dengan kejayaan yang mereka chapai melalui hasil2 kerja-tangan yang di-hasilkan menurut daya chipta, pemikiran serta inisiatif mereka sendiri.

### BAKAT

Beliau juga mengingatkan kapada guru2 supaya akan sentiasa menjaga tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan peraduan tersebut yang di-hasrat untok menchungkil bakat kanak-kanak serta menanamkan perasaan ingin maju di-kalangan mereka dalam membuat hasil2 kerja-tangan.

Kerana, ujar-nya, tanpa berbuat demikian segala apa yang di-hasratkan itu tidak akan menchapai kejayaan malahan akan merugikan diri kita sendiri terutama dari segi tenaga, wang dan sa-bagai-nya.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Awang Mohd Zainal bin Abdullah, pengerusi pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan SPI Brunei III.

Sa-banyak 24 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam pameran itu. Dalam bahagian Sekolah2 Rendah Melayu, tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok; kedua, Sekolah Melayu Batu Marang dan ketiga Sekolah Melayu Bebuloh.

Sementara dalam bahagian Sekolah2 Persediaan Inggeris pula; tempat pertama di-sandang oleh SPI Lumapas; kedua, SPI Pangkalan Batu dan ketiga SPI Mulaut.

Hadiah2 kapada pemenang2 juga telah di-sampaikan oleh Awang Haji Julaihi bin Sulaiman.

### TUTONG II

Sementara itu, pameran yang sama bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan SPI Tutong II, juga telah di-adakan pada hari yang sama di-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya di-Daerah Tutong.

Pameran tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Tanah Tutong, Awang Alias bin Dato Md Noor.

Pengerusi Pameran, Awg Hussain bin Mahari, Guru Besar Sekolah Melayu Abdul Rashid menegaskan bahawa pameran serupa itu di-adakan adalah bertujuan bagi menchungkil bakat2 baru dan mengembangkan bakat2 yang sedia ada pada kanak-kanak. Beliau juga berharap dengan ada-nya asas yang kuat di-perengkat rendah akan lahir pelukis2 tanah ayer di-masa2 akan datang.

Sa-banyak 14 buah sekolah telah menyertai pameran yang di-adakan buat kali ka-16 itu. Pameran telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sg. Damit Pemadang, sementara tempat kedua ia-lah Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya dan ketiga Sekolah Melayu Benutan.

Hadhir sama di-majlis tersebut ia-lah Penyelia Sekolah2 Rendah Daerah Tutong, Awg Md. Taha bin Abd. Rauf dan guru2 Sekolah2 Rendah Melayu dan SPI Tutong II.



WAKIL Sekolah Melayu Benutan, pemenang ketiga dalam Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan bagi Sekolah2 Rendah Melayu kawasan Tutong II, menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Awang Alias bin Dato Md Noor.



AWANG Haji Julaihi bin Sulaiman menyampaikan oskar ka-pada wakil Sekolah Melayu OKBI yang menjadi johan dalam bahagian Sekolah Rendah Melayu.

## Dua pegawai akan hadhiri Kongres Pustakawan di-KL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan di-wakili oleh dua orang pegawai di-dalam Kongres Pustakawan Asia Tenggara Kelima yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dari 25hb hingga 29hb Mei ini.

Mereka ia-lah Dayang Nellie binte Haji Sunny, Penolong Kanan Ketua Perpustakaan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Dy Sharifah Naema binte Syed Mansor, Pegawai Pelajaran di-Jabatan Pelajaran Brunei. Pegawai2 tersebut akan bertolak ka-Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 23hb Mei.

Thema kongres itu ada-lah "Kemudahan untok mendapatkan maalumat bagi semua bahagian masharakat dan semua katogeri pengguna, (Acess to Information-for all sections of the community and for all categories of users.) SL.

## *Perlawanan akhir bolatampar*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlawanan akhir bolatampar akan di-adakan di-Pusat Belia pada hari Ahad, 24hb Mei mulai jam 7.30 malam.

Perlawanan di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, sa-bahagian dari achara dalam Pesta Sokan 81 dan di-kelolakan oleh Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei.

Pasokan Majlis Sokan Pulis Diraja Brunei dan pasokan Yong Tze Kiok, Seria akan bertanding bagi merebut kejohanan lelaki, sementara pasokan Kelab Ria Shell (SRC) dan Pasokan Majlis Sokan Pulis Diraja akan bertanding merebut kejohanan bahagian perempuan.

Yang Dipertua PBKNB, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz akan berangkat dan menyampaikan sabda.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awg Haji Hussein.

## Peraduan membacha Al-kor'an jabatan2 beruniform

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ibni Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Muhammad Alam, Ti-balan Pengetua Adat Is-adat Negara akan berang-kat merasmikan peradu-membacha Al-Kor'an ba-jabatan2 kerajaan ya-beruniform yang akan be-langsong di-sini pada ha-Sabtu 23hb Mei bertemp-di-kawasan Ibu Pejab-Bomba.

Sa-ramai 16 orang qa-yang mewakili lapan bu-jabatan kerajaan yang be-uniform akan mengamb-bahagian di-pertanding-itu nanti.

Hadiah2 kapada pem-nang juga akan di-samp-kan oleh Yang Amat M-lia Pengiran Mahara-Lela Sahibol Kahar Peng-ran Anak Haji Moham-mad Yusof.

## Pengarah Pelajaran ka-Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Awang Hj Hamdani bin Haji Abdul Rahman kini berada di-Kuala Lumpur untok merundingkan persiapan bagi penuntut melanjutkan pelajaran di-Universiti2 di-Malaysia.

Mereka di-jangka akan berada di-sana sa-lama dua minggu di-mana mereka akan mengadakan perbinchangan dengan pegawai2 dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mereka juga akan melawat ka-beberapa buah pusat pengajian tinggi saperti Univerti Malaya dan Universiti Pertanian di-Penang.

## Pertemuan Sastera

BANDAR SERI BEGAWAN. —Satu pertemuan sastera antara ahli2 Asterawani dan sasterawan Brunei akan di-adakan di-rumah Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di-Kampong Manggis Dua, Batu 6 Jalan Muara pada 22hb Mei 1981 hari Ahad, jam 7.30 malam.

Sementara itu, Asterawani juga mengundang sama tiga orang tokoh sastera/bahasa dari Universiti Malaya menyertai pertemuan tersebut. Mereka ia-lah Prof. Dr Mohd Taib Osman, Prof Dr Nik Safiah Haji Abdul Karim, dan Prof. Dr Hajjah Asmah Haji Omar. Ketiga2 Prof itu waktu ini berada di-Brunei atas jemputan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Beberapa achara sastera telah di-ator sa-bagai bahan perbinchangan, antara-nya puisi lama; shaer dan diang dangan, deklamasi sajak dan perbinchangan khusus mengenai sajak2 Yahya MS.

## SUK akan rasmi Peraduan Kor'an Muallaf

TEMBURONG. — Se-Usaha Kerajaan, Ya-Berhormat Pehin Ora-Kaya Laila Wijaya D-Seri Setia Awang H-Abdul Aziz di-jang-akan merasmikan Mu-baqah Membacha Al-Ko-an bagi saudara2 ba-perengkat sa-negeri ya-akan berlangsong pa-30hb Mei minggu dep-di-Pekan Bangar, di-sin-

Sa-orang juruchak-pehak penganjor berk-bahawa musabaqah ada-lah merupakan sa-satu aktiviti Unit Gerak-Daawah Islamiah, Jaba-Hal Ehwal Ugama, D-erah Temburong yang long2 kali pernah di-a-kan di-negeri ini.

Musabaqah itu akan di-sertai oleh sing2 dua orang qari dan dua orang bagi tiap2 daerah.